

Two blue, rounded rectangular shapes on the left side of the page, one above the other.

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN

2021

A vertical blue line on the right side of the page, and several blue and red rounded rectangular shapes at the bottom right corner.

ISI KANDUNGAN :

BIL	TARIKH	TAJUK
JANUARI		
1.	18 Januari 2021	Kementerian Pertahanan Terima Sumbangan Dan Zakat Wakalah Bagi Program Kembali Ke Sekolah
2.	18 Januari 2021	Perbualan Telefon Antara YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan Malaysia Dengan Senator The Honorable Linda Reynolds, Menteri Pertahanan Australia
3.	18 Januari 2021	Telephone Conversation Between Honourable Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Senior Minister Of Defence Malaysia And Senator The Honorable Linda Reynolds, Minister For Defence Australia
APRIL		
4.	1 April 2021	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Dan Pingat Perkhidmatan Dan Pekerti Terbilang Kementerian Pertahanan Tahun 2021
5.	2 April 2021	Perbarisan Tahunan Putera Dan Penyampaian Hadiah Putera Maktab Tentera Diraja 2020
6.	12 April 2021	Video Conference Call Between YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Senior Minister Of Defence Malaysia And Hon. Peeni Henare, Minister Of Defence New Zealand
7.	15 April 2021	Video Conference Call Between YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Senior Minister Of Defence Malaysia And H.E. Nobuo Kishi, Minister Of Defence Japan
8.	22 April 2021	Operasi CARILAMAT KRI NANGGALA Oleh MV Mega Bakti
9.	26 April 2021	Menteri Kanan Pertahanan Ucap Takziah Ekoran Insiden Yang Menimpa KRI NANGGALA

10. 27 April 2021 Video Conference Call Between YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Senior Minister Of Defence And His Excellency Dr Ng Eng Hen, Minister For Defence Og The Republic Of Singapore

MEI

11. 6 Mei 2021 Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Oleh Para Penyumbang Kepada ATM Tahun 2021

12. 7 Mei 2021 Acara Penyerahan Program 1 Tentera 1 Al-Quran

JUN

13. 15 Jun 2021 Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Ke-15 (15th ADMM)

14. 15 Jun 2021 15th ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM)

15. 16 Jun 2021 Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Plus Ke-8 (8th ADMM-PLUS)

16. 16 Jun 2021 8th ASEAN Defence Ministers' Meeting-Plus (8th ADMM-PLUS)

OGOS

17. 12 Ogos 2021 Ekseksais Taming Sari Siri 20/21

SEPTEMBER

18. 1 September 2021 Fokus MINDEF Dalam Merealisasikan KPI Dalam Tempoh 100 Hari

19. 2 September 2021 Kembali Mengetuai Majlis Keselamatan Negara (MKN) Dan ATM Sedia Diaturgerak Bagi Membantu Meredakan Situasi Di 5 Negeri

20. 13 September 2021 Perancangan Semasa Dan Perkembangan Belanjawan 2022 Serta Rancangan Malaysia Ke-12 Kementerian Pertahanan

21. 14 September 2021 Mesyuarat Kuartet Menteri Covid-19

22. 16 September 2021 Jabatan Imigresen Malaysia Diarah Kaji Semula Kategori Permohonan MyTravelPass
23. 20 September 2021 Kerjasama MINDEF-KPM Dalam Program Vaksinasi Back To School Dan Perkembangan Messyuarat Menteri Kuartet Covid-19

OKTOBER

24. 18 Oktober 2021 Pesawat Terbang Rendah Semasa Acara Terbang Lintas Sempena Sambutan 50 Tahun Five Power Defence Arrangements (FPDA)
25. 18 Oktober 2021 Sidang Video Bersama Setiausaha Pertahanan Filipina Dan Exercise Bersama Gold 2021
26. 20 Oktober 2021 Terbang Lintas Sempena Sambutan 50 Tahun Five Power Defence Arrangements (FPDA)
27. 21 Oktober 2021 11th FPDA Defence Ministers' Meeting and 50th FPDA Anniversary Celebration
28. 27 Oktober 2021 Lawatan Kerja Menteri Pertahanan Republik Indonesia
29. 28 Oktober 2021 Lawatan Kerja Menteri Pertahanan Indonesia Ke Malaysia
30. 30 Oktober 2021 Perkembangan Projek Jiwa Murni Kementerian Pertahanan Dan Bajet 2022 Untuk Kementerian Pertahanan

NOVEMBER

31. 16 November 2021 Reopeningsafely Dan Peralihan Ke Fasa Endemik, Pembukaan Sempadan Negara Dan Pemerkasaan Keluarga Malaysia
32. 17 November 2021 Pembuangan Undi Awal Pru (DUN) Melaka Dan Insiden Melibatkan Sebuah Pesawat Pejuang Hawk 108 Milik TUDM
33. 17 November 2021 Majlis Penyerahan 15,000 Kotak Makanan Program Bantu-Bantu Malaysia Kepada Kementerian Pertahanan Sempena Inisiatif Gerobok Rezeki Veteran ATM 2021

34. 18 November 2021 Lawatan Kebajikan Timbalan Menteri Pertahanan Ke Atas Keluarga Allahyarham Kapten Mohamad Affendi Bin Bustamy TUDM
35. 30 November 2021 Mesyuarat Ke-9 Menteri Kuartet Covid-19 : Penularan Varian Omicron - Fasa Peralihan Ke Endemik Ditangguhkan Seketika, Kawalan Sempadan Antarabangsa Diperketatkan
36. 30 November 2021 Pelancaran Aplikasi MyVeteranMall

DISEMBER

37. 10 Disember 2021 Ancaman Militan : MINDEF Dan ATM Tingkatkan Kesiapsiagaan Di Sabah Dan Perancangan Pasca 100 Hari Kementerian Pertahanan
38. 26 Disember 2021 Ops Murni ATM Dan MINDEF Diperkasa
39. 30 Disember 2021 ATM Tingkat Kesiapsiagaan Hadapi Gelombang Kedua Banjir, Sumbangan Dana Dan Barang Keperluan Asas Daripada Syarikat Swasta Dan Industri Pertahanan Dan Bantuan Banjir Daripada Kerajaan Emiriah Arab Bersatu
40. 30 Disember 2021 Lawatan Kerja Menteri Kanan Pertahanan Ke Kem Pangkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
41. 31 Disember 2021 Sarawak Dan Kelantan Beralih Ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/01

KEMENTERIAN PERTAHANAN TERIMA SUMBANGAN DAN ZAKAT WAKALAH BAGI PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH

Kementerian Pertahanan hari ini menerima sumbangan sebanyak RM180,000 daripada Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) bagi Program Kembali Ke Sekolah untuk lebih 1,500 anak-anak anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan anak-anak kakitangan awam yang bekerja di MINDEF serta kem-kem ATM di seluruh negara.

Sumbangan disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Datuk Zulkarnain Md Eusope kepada Menteri Kanan Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Pharmaniaga merupakan anak syarikat kepada Boustead Holdings Berhad (Boustead) di mana Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Boustead adalah pemegang saham utamanya.

Selain itu, Menteri Kanan Pertahanan turut menyempurnakan penyerahan sumbangan Zakat Wakalah dari Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan berjumlah RM20,000 untuk diagihkan kepada 100 orang kakitangan awam Kementerian Pertahanan bagi pembelian barangan persekolahan.

Sumbangan telah disampaikan kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pertahanan, Puan Mastura binti Ahmad Mustafa.

Sumbangan ini antara lain bagi meringankan beban warga pertahanan dalam membuat persiapan anak-anak bagi sesi persekolahan yang bakal bermula tidak lama lagi.

Program Kembali Ke Sekolah ini merupakan program tahunan hasil inisiatif Kementerian serta ATM melalui kerjasama serta penglibatan badan-badan korporat dan pelbagai agensi lain.

Ianya juga sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat serta agensi yang terlibat bagi menghargai jasa dan pengorbanan anggota-anggota ATM yang bertugas sebilang masa dalam mempertahankan kedaulatan negara.

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

KUALA LUMPUR
18 JANUARI 2021



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/01 (BM)

**PERBUALAN TELEFON ANTARA YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB,
MENTERI KANAN PERTAHANAN MALAYSIA DENGAN SENATOR THE HONORABLE
LINDA REYNOLDS, MENTERI PERTAHANAN AUSTRALIA**

**18 JANUARI 2021
Kuala Lumpur**

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Pertahanan Malaysia telah menerima panggilan telefon dari rakan sejawatnya, Senator the Honourable Linda Reynolds, Menteri Pertahanan Australia pada 18 Januari 2021.

Kedua-dua Menteri telah memberi penekanan ke atas kekuatan dan kepentingan hubungan pertahanan dua hala di bawah Program Pertahanan Bersama Malaysia-Australia (*Malaysia-Australia Joint Defence Program*). Dalam perbincangan tersebut, kedua-dua Menteri turut mengesahkan komitmen terhadap Peraturan Pertahanan Lima Negara (*Five Power Defence Arrangements, FPDA*) termasuk sambutan ulang tahun ke-50 penubuhan FPDA yang akan dianjurkan oleh Malaysia pada tahun 2021. Selain itu, mereka turut menyentuh mengenai cabaran keselamatan serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Kedua-dua Menteri turut berkongsi pengalaman Kementerian masing-masing dalam menangani situasi COVID-19. Dalam hal ini, YB Menteri Pertahanan telah merakamkan penghargaan kepada Australia di atas sumbangan peralatan kepada Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang akan membantu meningkatkan kapasiti ATM dalam menghadapi cabaran COVID-19.

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Kementerian Pertahanan Malaysia
18 Januari 2021**



PRESS
RELEASE
MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 02/01 (BI)

**TELEPHONE CONVERSATION BETWEEN HONOURABLE DATO' SRI ISMAIL SABRI
BIN YAAKOB, SENIOR MINISTER OF DEFENCE MALAYSIA AND SENATOR THE
HONORABLE LINDA REYNOLDS, MINISTER FOR DEFENCE AUSTRALIA**

**18 JANUARY 2021
Kuala Lumpur**

The Honourable Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Minister of Defence Malaysia received a telephone call from his Australian counterpart, Senator the Honourable Linda Reynolds on 18 January 2021.

During the discussion, both Ministers emphasised the strength and importance of the bilateral defence relations under the Malaysia-Australia Joint Defence Program. The two Ministers expressed their shared commitments to the Five Power Defence Arrangements (FPDA) and looked forward to the 50th Anniversary events that Malaysia will host in 2021. They also touched on regional and international security challenges of mutual interest and common concern.

The two Ministers also updated each other on the role of their respective defence establishments in addressing the COVID-19 situation. In this regard, the Minister of Defence Malaysia extended his sincere appreciation to Australia for the contribution of COVID-19 related support to the Malaysian Armed Forces Health Services Division in developing its capacity to combat COVID-19.

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Ministry Of Defence Malaysia
18 January 2021**



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/04

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
DAN PINGAT PERKHIDMATAN DAN PEKERTI TERBILANG
KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2021**

Menteri Kanan Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah menyempurnakan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pingat Perkhidmatan Dan Pekerti Terbilang (PPT) Kementerian Pertahanan Tahun 2021 yang bertemakan **Kelestarian Kecemerlangan Dalam Norma Baharu Perkhidmatan Awam** bertemakan di Grand Ballroom Hotel InterContinental, Kuala Lumpur, hari ini.

Bagi menghargai sumbangan dan penghargaan kepada warganya, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menganugerahkan APC dan PPT bagi tahun 2021 kepada 849 warga awam , 9,549 warga ATM dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan dan 203 orang pesara awam menjadikan jumlah keseluruhan adalah seramai 10,601 orang.

Sebagai rekod, majlis pada hari ini hanya melibatkan 397 orang penerima APC dan PPT yang terdiri daripada 293 warga awam, 45 warga ATM dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan dan 59 orang pesara (awam) di Wisma Pertahanan dan Unit-Unit Tentera, warga ATM serta Pesara Awam terpilih manakala selebihnya akan dilaksanakan oleh Bahagian dan Jabatan masing-masing.

Penerima APC telah diberikan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi wang tunai berjumlah RM 1,000.00 yang akan dikreditkan ke dalam akaun gaji penerima anugerah. Sementara itu untuk pesara awam telah menerima Sijil Penghargaan serta hadiah persaraan wang tunai berjumlah RM 400.00 yang akan dikreditkan ke akaun gaji masing-masing dan juga tambahan PPT kepada mereka yang bersara wajib.

Turut hadir adalah Timbalan Menteri Kanan Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM, Panglima-Panglima Perkhidmatan, Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ATM.

-TAMAT-

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

**KUALA LUMPUR
1 April 2021**



Siaran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 JLD 4 () 02/04

PERBARISAN TAHUNAN PUTERA DAN PENYAMPAIAN HADIAH

PUTERA MAKTAB TENTERA DIRAJA 2020

Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah menyempurnakan Perbarisan Tahunan dan Penyampaian Hadiah Putera Maktab Tentera Diraja (MTD) yang berlangsung di Padang Kawad MTD, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur pada hari ini.

Perbarisan dan penyampaian hadiah ini adalah sebagai tanda penghormatan dan mengiktiraf kejayaan Putera Tingkatan 5 Maktab Tentera Diraja. Seramai 442 putera terlibat dalam perbarisan ini terdiri daripada 200 Putera Tingkatan 5 (Tahun 2020) dan 242 Putera Tingkatan 5 (Tahun 2021). Perbarisan ini diketuai oleh Pegawai Rendah Kanan (PRK) 436612 Ahmad Amer Izwan bin Mazelan (Tingkatan 5/Kompeni Charlie).

Menteri Kanan Pertahanan turut menyampaikan hadiah kepada Putera MTD mengikut kategori seperti berikut:

1. Johan Kompeni Pengarah Pengajian:

- Kompeni Foxtrot (F). Cogan kata Kompeni 'Sentiasa Usaha'. Kompeni ini dipimpin oleh Mej Shahfizal bin Khairudin (Ketua Kompeni) dibantu oleh 9000405 FSjn Mohd Zaidi bin Mohamad (Kompeni Sarjan Mejar) serta 436703 Pegawai Rendah Kanan Muhammad Eyman Firdaus bin Mohd Ajmain.

2. Anugerah Lembaga Tadbir (BOG):

- 436744 Putera Kanan Adam Manan bin Nordin Manan, (Kompeni Hotel).

3. Anugerah Pengarah Pengajian:

- 389359 Pegawai Rendah Kanan Nicholas Ong Yong Xen, (Kompeni Golf).

4. Anugerah Komandan:

- 436639 Pegawai Rendah Kanan Ahmad Hafizuddin bin Abd Halim, (Kompeni Delta).

•

5. Anugerah Menteri Pertahanan:

- 436612 Pegawai Rendah Kanan Ahmad Amer Izwan bin Mazelan, (Kompeni Charlie).

Turut hadir adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM, Panglima-Panglima Perkhidmatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ATM.

- Tamat -

Kementerian Pertahanan Malaysia
2 April 2021





PRESS
RELEASE
MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 03/04

**VIDEO CONFERENCE CALL BETWEEN YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB,
SENIOR MINISTER OF DEFENCE MALAYSIA AND HON. PEENI HENARE, MINISTER
OF DEFENCE NEW ZEALAND**

**12 APRIL 2021
Kuala Lumpur**

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Minister of Defence Malaysia held a video conference call with his New Zealand counterpart, Hon. Peeni Henare on 12 April 2021.

During the call, both Ministers underscored the importance of the bilateral defence cooperation and the excellent cooperation between both countries under the Five Powers Defence Arrangements (FPDA) and the ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus (ADMM-Plus).

Although challenged by the current COVID-19 pandemic situation, the two Defence Ministers expressed their mutual commitments to the FPDA and the 50th Anniversary events that Malaysia will be hosting in 2021. They supported the resumption of active engagements in 2021 between the armed forces, including the conduct of training and bilateral exercises. They also discussed the need to strengthen cooperation on cyber security between the two armed forces.

The Ministers also updated each other on the current COVID-19 pandemic situation and the implementation of the COVID-19 vaccination programme in both countries.

YB Dato' Sri Ismail Sabri also expressed his hope to meet Minister Henare in person at the 11th FPDA Defence Ministers' Meeting in Kuala Lumpur this year

.-TAMAT-

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**



PRESS
RELEASE
MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 04/04

**VIDEO CONFERENCE CALL BETWEEN YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB,
SENIOR MINISTER OF DEFENCE MALAYSIA AND H.E. NOBUO KISHI,
MINISTER OF DEFENCE JAPAN**

**15 April 2021
Kuala Lumpur**

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Minister of Defence Malaysia held a video conference call with his Japanese counterpart, H.E. Nobuo Kishi on 15 April 2021.

Although challenged by the current COVID-19 pandemic situation, both Ministers reaffirmed their commitments to further enhance the defence relation between Malaysia and Japan. The Ministers agreed to maintain close interactions at all levels and encouraged the resumption of active engagements, including the bilateral meeting between both ministries, training exchanges between the armed forces and cooperation in the field of Humanitarian Assistance and Disaster Relief (HADR). During the call, they also explored potential area of collaboration in the defence industry.

The two Ministers also touched on the regional security issues of mutual interest and common concern, including the South China Sea as well as the situation in Myanmar and the Korean Peninsula.

Malaysia and Japan signed the Memorandum of Understanding on Defence Cooperation and Exchanges in September 2018. Both sides also inked the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of Japan Concerning the Transfer of Defence Equipment and Technology in the same year. Based on this foundation, Malaysia will continue to promote defence cooperation and exchanges with Japan.

-END-

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**



Siaran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 (Q0) 05/04

OPERASI CARILAMAT KRI NANGGALA OLEH MV MEGA BAKTI

22 April 2021

Kuala Lumpur

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Pertahanan Malaysia telah menghubungi TYT Prabowo Subianto, Menteri Pertahanan Republik Indonesia pada 22 April 2021 bagi melahirkan rasa simpati kepada seluruh warga Tentara Nasional Indonesia-Angkatan Laut (TNI-AL), Tentara Nasional Indonesia (TNI), Kementerian Pertahanan Republik Indonesia serta rakyat Indonesia di atas kejadian yang berlaku ke atas kapal selam KRI NANGGALA (type 209 SSK). Kapal selam TNI-AL tersebut dilaporkan hilang pada 21 April 2021 jam 10.37 pagi di perairan Pulau Bali. Kapal selam yang membawa 53 kru tersebut telah gagal dihubungi bermula pada 21 April 2021 jam 4 pagi.

Semasa perbualan telefon tersebut, YB Dato' Sri Ismail Sabri telah memaklumkan bahawa sebagai negara sahabat, Malaysia melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah mengatur gerak kapal penyelamat kapal selam TLDM iaitu MV Mega Bakti pada 22 April 2021 jam 7 pagi bagi operasi mencari dan menyelamat (SAR) KRI NANGGALA. Selain itu, pihak TLDM akan mengadakan solat hajat dan memanjatkan doa ke atas keselamatan anak-anak kapal dan agar kapal selam tersebut segera ditemui.

Operasi SAR ini melibatkan 54 kru yang terdiri dari tujuh pegawai dan anggota TLDM dan tiga pegawai dan staf perubatan ATM, serta 44 kru MV Mega Bakti. Operasi ini diketuai oleh Komander Mohd Hairul Fahmy bin Yob TLDM selaku Coordinator Rescue Force (CRF).

MV Mega Bakti telah belayar dari Jeti Operasi Markas Pemerintahan Kapal Selam, Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah dan dijangka sampai ke lokasi SAR pada


25 April 2021 jam 3 petang. MV Mega Bakti adalah kapal sewaan TLDM yang mempunyai keupayaan utama untuk melaksanakan SAR ke atas kapal selam. Operasi SAR ini adalah yang kedua melibatkan MV Mega Bakti selepas terlibat dalam pencarian MH370 yang dilaporkan hilang di Lautan Hindi pada tahun 2014. Keupayaan dan peralatan SAR yang terdapat di atas MV Mega Bakti merangkumi:

- a. Distress Submarine Ventilation Depressurized System
 - (1) Compressed Air Generation (CAM).
 - (2) Process Control Module (PCM).
 - (3) Submarine Link Module (SLM).
- b. GPS Intelligent Buoy (GIB) System - Localisation of Pinger.
- c. Intervention Remotely Operated Vehicle (IROV) with LARS operating Depth 650m.
- d. ELSS Pod.
- e. 2x 6 men Dive Decompression Chamber (DDC).

Kementerian Pertahanan melalui TLDM memberi sepenuh komitmen ke atas Operasi SAR ini dan ketersediaan TLDM membuktikan sebarang asetnya boleh diatur gerak dalam semua aspek pengoperasian dalam masa yang singkat. Selain menekankan pendekatan Diplomasi Pertahanan, Operasi SAR ini juga menunjukkan komitmen TLDM kepada komuniti antarabangsa berkaitan tugas dan tanggungjawab negara pengendali kapal selam di dunia.

-TAMAT-

DILULUSKAN


LT KDR MOHD FADZHIL BIN SALLEH TLDM
Pegawai Staf 2 Media (Laut)
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERI PERTAHANAN

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 06/04

**MENTERI KANAN PERTAHANAN UCAP TAKZIAH EKORAN INSIDEN YANG
MENIMPA KRI NANGGALA**

Seluruh warga Kementerian Pertahanan Malaysia melahirkan rasa dukacita dan menzahirkan ucapan takziah kepada Presiden Joko Widodo, TYT Prabowo Subianto, Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Kementerian Pertahanan Indonesia, keluarga yang terlibat dan seluruh rakyat Indonesia dengan apa yang berlaku ke atas tragedi yang menimpa kapal selam KRI Nanggala (type 209 SSK).

Malaysia turut berkongsi kesedihan yang amat mendalam dan turut merasa kehilangan atas tragedi tersebut. Sesungguhnya 53 anak kapal yang terkorban merupakan perwira bangsa serta patriot terbaik demi menjaga kedaulatan negara Indonesia.

Semoga Allah SWT melindungi dan mengurniakan kesabaran dalam menghadapi ujian ini.

Kami mendoakan semoga roh 53 anak kapal KRI Nanggala 402 dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama orang yang beriman.

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN MALAYSIA

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



PRESS
RELEASE

MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 4 (2) 07/04

**VIDEO CONFERENCE CALL BETWEEN YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB,
SENIOR MINISTER OF DEFENCE MALAYSIA AND HIS EXCELLENCY DR NG ENG
HEN, MINISTER FOR DEFENCE OF THE REPUBLIC OF SINGAPORE**

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Senior Minister of Defence Malaysia held a video conference call with His Excellency Dr Ng Eng Hen, Minister for Defence of the Republic of Singapore on 27 April 2021.

During the conference call, both Ministers emphasised their commitments towards maintaining bilateral defence cooperation and underscored the importance of multilateral cooperation under the ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) and the Five Power Defence Arrangements (FPDA).

They looked forward to Malaysia's hosting of the 11th FPDA Defence Ministers' Meeting (FDMM) which also coincides with FPDA's 50th Anniversary. They also acknowledged the importance of continuous active engagements through the conduct of exercises such as BERSAMA LIMA 21 and SUMAN WARRIOR 21.

Their discussion also focused on matters related to the dynamics of regional security environments including the South China Sea. YB Dato' Sri Ismail Sabri highlighted the need for non-militarisation and self-restraint in the South China Sea to ensure peace, security and stability in the region. In addressing common security threats, both Ministers also emphasised on strengthening cooperation in cyber security and information sharing between the two armed forces.

.-END-

DILULUSKAN


LT KDR MOHD FADZHIL BIN SALLEH TLDN
Pegawai Staf 2 Media (Laut)
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERI PERTAHANAN

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**



Siaran
AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 (G4) 01/05

**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI OLEH PARA
PENYUMBANG KEPADA ATM TAHUN 2021**

**6 Mei 2021
Kuala Lumpur**

Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri daripada para penyumbang kepada Angkatan Tentera Malaysia diadakan di Auditorium Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur yang telah disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob.

Pada tahun ini, Angkatan Tentera Malaysia telah menerima sumbangan daripada 48 agensi yang terdiri daripada badan korporat, badan berkanun, syarikat swasta dan persatuan sukarela. Sumbangan yang diterima berbentuk kewangan dan barangan. Para penyumbang turut menerima sijil penghargaan dan cenderamata daripada Angkatan Tentera Malaysia.


Angkatan Tentera Malaysia turut menerima sumbangan wang zakat yang disalurkan oleh Tabung Zakat ATM daripada Affin Islamic Bank Berhad dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia. Masing-masing telah memberi sumbangan bernilai RM100,000.

Selain itu, YB Menteri Kanan Pertahanan telah menyampaikan bungkusan Hari Raya kepada Panglima Angkatan Tentera dan Panglima-Panglima Perkhidmatan. Majlis ini turut diserikan dengan upacara tradisi membuka bungkusan Hari Raya oleh YB Menteri Kanan Pertahanan.

Turut hadir dalam majlis ini adalah Timbalan Menteri Pertahanan Yang Berhormat Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM dan Panglima-Panglima Perkhidmatan.

-TAMAT-

DILULUSKAN


LT KDR MOHD FAZLIL BIN SALLEH TLDM
Pegawai Staf 2 Media (Laut)
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
6 Mei 2021



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 (65) 02/05

ACARA PENYERAHAN PROGRAM 1 TENTERA 1 AL-QURAN

7 Mei 2021
Kuala Lumpur

Sesi penyerahan naskah Al-Quran sebagai simbolik kepada Program “1 Tentera 1 Al-Quran” (1T1Q) telah disempunakan oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob di Bilik Kenanga, Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan hari ini.

Program 1T1Q ini merupakan anjuran Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dengan kerjasama Yayasan Restu Malaysia yang bermatlamat untuk menganugerahkan senaskhah mashaf Al-Quran kepada setiap anggota tentera muslim bagi menyemarakkan penghayatan Al-Quran di kalangan mereka di samping sebagai satu inisiatif untuk memenuhi keperluan kerohanian anggota muslim ATM. Ia juga sejajar dengan “Program Gerak Gempur Peghayatan Al-Quran” yang terkandung dalam pakej Plan Strategik KAGAT.

Antara objektif program yang digariskan ialah memperkasakan pembudayaan bacaan Al-Quran dan penghayatan isi kandungannya di kalangan warga ATM agar mereka mendapat bimbingan dan suluhan hidayah dari kitab suci yang amat mulia ini. Di samping itu juga, ia menyemarak semangat juang anggota ATM dan memantapkan jati diri mereka untuk berpaksikan ajaran Al-Quran bagi mengukuh nilai kerohanian seperti amanah, berani dan berintegriti sejajar dengan tuntutan dan pedoman Al-Quran. Ia juga bermatlamat untuk membina generasi Al-Quran, khususnya di kalangan perwira dan Perajurit Muda negara di semua perkhidmatan seawal mereka memasuki alam ketenteraan.

Sasaran utama program ini ialah Pegawai Kadet dan Graduan dan Perajurit Muda muslim di semua perkhidmatan ATM bagi setiap kali pengambilan. Konsep pelaksanaan program ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu; peringkat pertama, Al-Quran terbitan khas dengan kerjasama Yayasan Restu dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta. Ia akan diagih sebaik sahaja mereka melapor diri ke Pusat Latihan Asas masing-masing agar sepanjang latihan, mereka sudah dibudayakan dengan Al-Quran di bawah bimbingan pegawai dan anggota KAGAT yang bertugas di semua pusat latihan asas di ketiga-tiga Perkhidmatan. Program ini merupakan program berterusan setiap kali pengambilan pegawai dan anggota perajurit muda ATM. Berasaskan statistik pengambilan di semua Perkhidmatan, jumlah pegawai kadet dan perajurit muda ATM ialah seramai 5,400 setahun.

Manakala peringkat kedua ialah pegawai dan anggota dalam Perkhidmatan. Bagi pegawai anggota dalam perkhidmatan, pengagihan Al-Quran akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut perkhidmatan masing-masing tertakluk kepada peruntukan kewangan bagi perolehan mashaf Al-Quran. Anggaran keseluruhan pegawai dan anggota muslim ATM bagi semua perkhidmatan ialah **90,000 orang**.

Ia akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan daripada pelbagai sumber yang akan diusahakan daripada semasa ke semasa. Pembekal utama Al-Quran untuk program ini adalah Yayasan Restu yang merupakan sebuah yayasan perintis penerbitan Al-Quran Mushaf Uthmani terbesar di Malaysia yang berpusat di Taman Seni Islam, Shah Alam dan mempunyai kilang percetakan Al-Quran di Putrajaya yang juga kedua terbesar di dunia selepas Arab Saudi. Sumber Al-Quran juga dirancang perolehannya melalui Syarikat Karang kraf dan melalui cetakan Tabung Zakat ATM berjumlah 10,000 naskhah setiap tahun.

Jabatan Arah KAGAT selaku penganjur program kerohanian ATM menaruh sepenuh harapan bersempena dengan bulan Ramadan 1442H agar program yang mulia ini mendapat sokongan padu dari semua pihak. Semoga ia dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mampu memberi impak yang positif kepada seluruh warga ATM muslim khususnya dan sekali gus berupaya meningkatkan tahap penghayatan Al-Quran dalam diri mereka.

Turut hadir dalam sesi penyerahan ini adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Bin Buang TUDM, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez Bin And Aziz, Ketua Staf Markas ATM, Lt Jen Datuk Mohd Zakaria Bin Hj. Yadi, Pengarah KAGAT, Mej Jen Dato Hj. Nawawi Bin Daud, Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latif Mirasa dan Pemegang Amanah Yayasan Restu, Datuk Seri Ahmad Maslan.

-TAMAT-

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERAGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

6 Mei 2021



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/06 (BM)

MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN KE-15 (15TH ADMM)

Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN ke-15 (ADMM) telah diadakan pada 15 Jun 2021 melalui sidang video. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md Yussof, Menteri Pertahanan II Brunei Darussalam, selaku Pengerusi ADMM 2021. Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat ini.

Mesyuarat ADMM ke-15 telah membincangkan mengenai kerjasama pertahanan ASEAN, termasuk sembilan inisiatif pertahanan serantau di bawah ADMM. Ini termasuk cadangan dari Malaysia untuk mewujudkan satu rangkaian pusat pertahanan siber ASEAN yang dikenali sebagai ASEAN Cyber Defence Network (ACDN). Di bawah inisiatif ini, ACDN akan menghubungkan semua pusat operasi pertahanan siber negara anggota ASEAN untuk memanfaatkan kepakaran pertahanan siber negara anggota ASEAN. Inisiatif ini juga akan berfungsi sebagai platform pertukaran pengetahuan dan amalan terbaik serta membina keyakinan dan kesediaan dalam isu berkaitan dengan pertahanan siber.

Mesyuarat ADMM ke-15 diakhiri dengan Deklarasi Bandar Seri Begawan bagi meraikan ulang tahun ke-15 ADMM. Semua negara bersetuju supaya ADMM terus menjadi platform utama kerjasama pertahanan multilateral di rantau ini, dengan ASEAN sebagai peneraju utama.

Selain daripada mesyuarat ADMM ke-15, Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-China (ASEAN-China Defence Ministers' Informal Meeting) juga telah diadakan pada 15 Jun 2021. Mesyuarat ini membincangkan kerjasama pertahanan serantau ASEAN-China dan bertukar pandangan mengenai isu-isu pertahanan dan keselamatan yang menjadi perhatian bersama. Malaysia telah mengulangi pendiriannya bahawa walaupun undang-undang antarabangsa menjamin kebebasan navigasi, kehadiran aset ketenteraan di Laut China Selatan berpotensi untuk meningkatkan ketegangan dan seterusnya menyebabkan konflik yang boleh menjejaskan keamanan, keselamatan, dan kestabilan serantau.

Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat-mesyuarat ini menandakan komitmen berterusan Malaysia terhadap diplomasi pertahanan melalui kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala. Malaysia mengucapkan tahniah kepada Brunei Darussalam atas kejayaan penganjuran mesyuarat ADMM ke-15 selaku Pengerusi ASEAN 2021 di sebalik cabaran yang dihadapi akibat wabak COVID-19.

-TAMAT-

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
15 Jun 2021





PRESS
RELEASE
MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/06 (BI)

15TH ASEAN DEFENCE MINISTERS' MEETING (ADMM)

The 15th ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) was held on 15 June 2021 via video conference. The meeting was chaired by The Honourable Pehin Datu Lailaraja Major General (Retired) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md Yussof, Brunei Darussalam's Minister of Defence II, as the ADMM Chair 2021. Senior Minister of Defence, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob led the Malaysian delegation to the meeting.

The 15th ADMM discussed on ASEAN defence cooperation, including nine regional defence initiatives under ADMM. These include the proposal by Malaysia to establish the ASEAN Cyber Defence Network (ACDN), of which Malaysia is the proponent. Under this initiative, Malaysia proposes to link all cyber defence operation centres of ASEAN member states (AMS) under a network, to leverage on the cyber defence expertise of AMS. This initiative will serve as a platform for all cyber defence operation centres of AMS to promote exchanges in knowledge and best practices as well as build confidence and readiness in cyber defence related issues.

The 15th ADMM meeting ended with the conclusion of the Bandar Seri Begawan Declarations by the ADMM to commemorate the 15th anniversary of the ADMM. The leaders agreed that the ADMM continues to be the main multilateral defence cooperation in this region, with ASEAN as the driving force.

At the sidelines of the 15th ADMM, the ASEAN-China Defence Ministers' Informal Meeting was also held on 15 June 2021. The meeting discussed ASEAN-China regional defence cooperation and exchanged views on defence and security issues of mutual concern. Malaysia reiterated its view that while international law guarantees the freedom of navigation, the presence of any military assets in the South China Sea has the potential to increase tension that may, in turn, result in miscalculations which may affect peace, security, and stability in the region.

Malaysia's participation in these meetings signals Malaysia's continued commitment towards defence diplomacy through bilateral and multilateral defence cooperation. Malaysia congratulates Brunei Darussalam for successfully hosting of the meetings as the ASEAN Chair 2021 in the face of the challenges caused by the COVID-19 pandemic.

- END-


“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Ministry Of Defence Malaysia

15 June 2021





Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/06 (BM)

**MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN PLUS KE-8
(8TH ADMM-PLUS)**

Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus) ke-8 telah berlangsung pada 16 Jun 2021 melalui sidang video. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md Yussof, Menteri Pertahanan II Brunei Darussalam, selaku Pengerusi ADMM 2021. Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat ini secara maya.

Mesyuarat ADMM-Plus ke-8 melibatkan Menteri-Menteri Pertahanan atau wakil dari negara anggota ASEAN dan lapan negara rakan dialog Plus (Amerika Syarikat, Australia, China, India, Jepun, New Zealand, Republik Korea, dan Rusia) serta Setiausaha Agung ASEAN. Semasa sesi pertukaran pendapat, YB Dato' Sri Ismail Sabri menekankan pentingnya kerjasama antara negara dalam memerangi wabak COVID-19, dan peranan sektor pertahanan yang semakin meningkat dalam mendepani isu keselamatan manusia (*human security*) yang perlu ditangani secara holistik.

YB Dato' Sri Ismail Sabri juga menekankan bahawa ruang siber yang bersifat dinamik memerlukan sektor pertahanan untuk sentiasa berwaspada dan peka, terutamanya terhadap ancaman siber yang boleh menggugat kestabilan negara. Beliau menjelaskan pandangan Malaysia bahawa kerjasama serantau dalam keselamatan siber, terutamanya melalui ASEAN merupakan cara terbaik untuk menangani ancaman siber dan membina keyakinan serantau.

Mengenai Laut China Selatan, YB Dato' Sri Ismail Sabri mengulangi pendirian Malaysia bahawa semua pihak perlu bekerjasama untuk memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan di Laut China Selatan, dan menyeru semua pihak agar lebih bersederhana dalam tingkah laku mereka di Laut China Selatan. YB Dato' Sri Ismail Sabri juga telah menekankan bahawa Malaysia tidak akan berkompromi terhadap isu-isu berkaitan keselamatan dan kedaulatan negara.

Mesyuarat ADMM-Plus ke-8 diakhiri dengan Deklarasi Bandar Seri Begawan oleh ADMM-Plus bagi meraikan ulang tahun ke-15 ADMM. Semua negara bersetuju supaya ADMM terus menjadi platform utama kerjasama pertahanan multilateral di rantau ini, dengan ASEAN sebagai peneraju utama. Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat ini menandakan komitmen berterusan Malaysia terhadap diplomasi pertahanan melalui kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala. Malaysia mengucapkan tahniah kepada Brunei Darussalam atas kejayaan penganjuran mesyuarat ADMM-Plus ke-8 selaku Pengerusi ASEAN 2021.

-TAMAT-

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

Kementerian Pertahanan Malaysia
16 Jun 2021



Press
RELEASE

MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/06 (BI)

8TH ASEAN DEFENCE MINISTERS' MEETING-PLUS (8th ADMM-PLUS)

The 8th ADMM-Plus meeting was held on 16 June 2021 via video conference. The meeting was chaired by The Honourable Pehin Datu Lailaraja Major General (Retired) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md Yussof, Brunei Darussalam's Minister of Defence II, as the ADMM Chair 2021. Senior Minister of Defence, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob led the Malaysian delegation to the meeting.

The 8th ADMM-Plus meeting involved the Defence Ministers or representatives of ASEAN member states and eight Plus dialogue partners (Australia, China, India, Japan, New Zealand, Republic of Korea, Russia, and United States) as well as the Secretary General of ASEAN. During the exchange of view session, YB Dato' Sri Ismail Sabri highlighted the importance of cooperation among countries in fighting the COVID-19 pandemic, and the growing role of the defence establishments in addressing human security issues.

YB Dato' Sri Ismail Sabri also emphasised on the dynamic nature of the cyberspace which requires the defence sector to be ever vigilant and responsive, especially against cyber threats that could destabilise national security. He explained Malaysia's view that regional cooperation in cyber security, especially through ASEAN is the best way to tackle cyber threats and build regional confidence.

On South China Sea, YB Dato' Sri Ismail Sabri reiterated Malaysia's long-standing position that all parties must work together to ensure peace, security and stability in the South China Sea, and called upon all parties to be more moderate in their behavior in the South China Sea. YB Dato' Sri Ismail Sabri also stressed that Malaysia will not compromise on its national security and sovereignty.

The 8th ADMM-Plus meeting ended with the conclusion of the Bandar Seri Begawan Declaration by the ADMM-Plus to commemorate the 15th anniversary of the ADMM. The leaders agreed that the ADMM continues to be the main multilateral defence cooperation in this region, with ASEAN as the driving force.

Malaysia's participation in the meeting signals Malaysia's continued commitment towards defence diplomacy through bilateral and multilateral defence cooperation. Malaysia congratulates Brunei Darussalam for successfully hosting the meeting as the ASEAN Chair 2021.

- END -

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Ministry of Defence Malaysia

16 June 2021



MEDIA FACT SHEET

TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PERTAHANAN

EKSESAIS TAMING SARI SIRI 20/21

PADA 12 OGOS 2021 (KHAMIS) JAM 1400 DI MARKAS WILAYAH

LAUT I

1. Objektif Ekseksais Taming Sari ini adalah untuk mewujudkan suasana peperangan maritim yang sebenar dalam aspek perancangan dan pelaksanaan di samping meningkatkan kesiagaan aset-aset Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Selain itu, ekseksais yang berlangsung selama 6 hari ini juga bertujuan menguji keupayaan peralatan untuk mengesan, menjejak dan sistem pelancar misil bagi kapal dan kapal selam TLDM.
2. Ekseksais terbesar ini membabitkan 1,080 warga TLDM, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Ketumbukan EKSESAIS TAMING SARI 20/21 terdiri daripada 9 buah kapal, 5 buah *Fast Combat Boat* (FCB), sebuah (1) kapal selam, 2 Super Lynx TLDM, 4 pesawat TUDM dan 2 aset APMM. Senarai terperinci adalah seperti berikut:

a. Kapal-kapal TLDM:

- 1) KD LEKIU
- 2) KD LEKIR
- 3) KD JEBAT
- 4) KD MAHAWANGSA
- 5) KD GAGAH SAMUDERA
- 6) KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL
- 7) KD GANYANG
- 8) KD KINABALU
- 9) KD SUNDANG

b. Kapal Selam:

- KD TUN RAZAK
- Bot:
Fast Combat Boat (FCB)
- Helikopter:
Super LYNX
- Pesawat TUDM:
 - 1) B200T
 - 2) EC 725
 - 3) F/A 18D Hornet
- Aset APMM:
 - 1) AS365 N3 DAUPHIN
 - 2) AW139

3. Untuk makluman rakan-rakan media, penembakan taktikal (Coordinated Missile Firing) hari ini menyaksikan peluru berpandu EXOCET MM40 tepat mengenai sasaran yang berada di jarak 30 batu nautika atau 55 kilometer. Manakala peluru berpandu EXOCET SM39 telah ditembak dari jarak 20 batu nautika atau 37 kilometer dari sasaran.

4. Kejayaan penembakan kesemua peluru berpandu ini mengenai sasaran jelas membuktikan sikap profesionalisme, keupayaan dan ketersediaan warga TLDM dalam mengendalikan aset pertahanan negara. Apabila nilai-nilai ini tersemat pada setiap warga TLDM, hasil yang akan dikecapi pastinya adalah kejayaan, walaupun kita sedia maklum sebilangan aset-aset TLDM ini telah menjangkau usia melebihi 40 tahun.

5. Saya dimaklumkan aset-aset yang terlibat dengan eksekusi ini telah lama berada di laut bagi memastikan kelancaran dan keselamatan kawasan operasi sentiasa terjamin. Komitmen mereka ini merupakan pengorbanan yang tidak terhingga bagi memastikan kesiapsiagaan armada TLDM sentiasa berada di tahap tertinggi demi kedaulatan perairan negara.

6. Dalam usaha meningkatkan *interoperability* dan tahap kompetensi aset-aset TLDM dan Angkatan Tentera Malaysia, keseragaman sistem pengurusan logistik bersepadu yang berteknologi terkini perlu diwujudkan. Ini amat penting dalam memastikan keperluan untuk operasi, latihan dan keperluan kecemasan dapat dipenuhi serta capaian di hujung jari serta saling melengkapi di antara angkatan tentera Malaysia.

7. Di kesempatan ini bersesuaian dengan bulan kemerdekaan, saya ingin mengambil peluang mengucapkan penghargaan yang tak terhingga kepada TLDM dan wira-wira negara di atas pengorbanan mereka berjauhan dengan ahli keluarga, bertugas sepanjang masa dan berminggu-minggu di laut demi memelihara kedaulatan dan keamanan tanah air tercinta.

-TAMAT-



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

1. Saya baru selesai bertemu kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Saya jelaskan kepada mereka bahawa pagi tadi di Mesyuarat Jemaah Menteri, YAB Perdana Menteri telah sekali lagi mengarahkan setiap Menteri untuk terus menunjukkan hasil serta menetapkan sasaran/KPI jangka pendek dan panjang.
2. Justeru, saya telah minta setiap warga MINDEF dan ATM untuk bersatu, fokus dan bekerja bersungguh-sungguh serta mengeneipkan semua polemik yang boleh menjejaskan perancangan kita. Dengan harapan kita boleh menunjukkan perkembangan positif ke arah merealisasikan KPI dalam tempoh 100 hari.
3. **Perkara pertama dan paling utama** bagi MINDEF dan ATM yang telah saya tegaskan adalah, untuk mengembling tenaga dan usaha untuk bersama memerangi COVID-19. Atas sebab itu, saya telah arahkan perkara-perkara berikut segera dilaksanakan.
 - i. MINDEF dan ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM perlu melaporkan tindakan yang telah dilaksanakan selama lebih setahun ini serta mencadangkan kepada saya apa lagi tindakan susulan yang boleh ditambahbaik selepas ini dengan mengambil kira **Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKVSTF) dan membantu usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)**. Ini penting demi melindungi rakyat serta merancang bagaimana MINDEF dan ATM boleh membantu negara secara lebih menyeluruh dalam memerangi COVID-19.
 - ii. Sehubungan dengan itu, kelebihan sedia ada MINDEF dan ATM seperti infrastruktur-infrastruktur ATM di seluruh negara seperti **Hospital Angkatan Tentera, Hospital-Hospital Medan serta sekolah-sekolah dalam kem ATM** boleh dimanfaatkan untuk penambahbaikan bagi memenuhi keperluan agenda nasional.
 - iii. Saya, Timbalan Menteri, kepimpinan MINDEF dan ATM akan segera turun ke lapangan bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan dari kakitangan dan anggota berkenaan keadaan operasi semasa. Ini kerana, saya mahukan usaha yang kita lakukan ini adalah berdasarkan suara kolektif dan konsensus bersama.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

4. **Bagi melaksanakan kesemua yang saya nyatakan tadi**, saya telah memutuskan agar sebuah *task force* baharu diwujudkan bagi tujuan mengkoordinasi ATM dan MINDEF dalam mengurus usaha demi memenuhi agenda nasional. Task force ini akan diketuai oleh YB Timbalan Menteri Pertahanan dan akan melapor terus kepada saya pada setiap minggu.
5. **Perkara kedua**, dalam memerangi COVID-19, aspek pemantauan dan penguatkuasaan adalah amat penting apatah lagi mengambil kira kelonggaran-kelonggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digubal dan diumumkan sebelum ini terutama kepada individu yang telah menerima vaksinasi lengkap.
6. Dalam konteks ini, saya akan bekerjasama rapat dengan Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Hamzah Zainuddin selaku **Pengerusi Jawatankuasa Pemantauan dan Penguatkuasaan** khususnya dalam mengatugerak semua agensi penguatkuasaan dan pemantauan secara lebih menyeluruh agar usaha memperkemas dan memperkasa aspek ini dapat dilaksanakan sebaiknya.
7. **Perkara ketiga**, bagi menjayakan agenda-agenda ini, MINDEF dan ATM akan terus memperkukuh hubungan dan kerjasama dengan rakan-rakan negara sekutu yang sedia ada serta meneruskan hubungan baik bersama negara-negara lain yang telah saya usahakan sewaktu di Wisma Putra.
8. Pengkhususan yang akan diberikan adalah bertumpu kepada aspek diplomasi ketenteraan, aspek keselamatan antarabangsa khususnya dalam memerangi pengganas, pengurusan pandemik COVID-19, sistem kesihatan serta ekonomi dan kesejahteraan.
9. Sebagai contoh, semalam saya telah mengadakan perbualan telefon bersama Menteri Kanan Koordinasi Untuk Keselamatan Singapura, TYT Teo Chee Hean bagi membincangkan perkara-perkara yang telah saya nyatakan tadi.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN

1 SEPTEMBER 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan salam sejahtera.

A. KEMBALI MENGETUAI MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)

1. Saya ingin memaklumkan, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebentar tadi mengesahkan bahawa saya akan kembali mengetuai usaha berkaitan Pengurusan Pandemik di bawah MKN yang sempat saya galas selama beberapa minggu sebagai Menteri Kanan Luar Negeri sebelum ini.
2. Antara arahan utama yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri kepada saya sebentar tadi adalah untuk menilai dan memperkemas prosedur operasi standard (SOP) yang telah diumumkan sebelum ini dari semasa ke semasa. Saya percaya, ini merupakan kerja yang berterusan dan memerlukan pendekatan yang inklusif. Saya sentiasa berbesar hati dan bersedia untuk membuka ruang kepada semua pihak termasuk rakyat bagi memberi pandangan serta maklum balas demi memenuhi kepentingan bersama.
3. YB Menteri Kesihatan, Tuan Khairy Jamaluddin telah sebut semalam, negara bakal memasuki fasa endemik bermula hujung Oktober ini yang mana Kerajaan serta rakyat harus bersama-sama bersiap sedia bagi menjalani kehidupan seharian dengan norma baharu dan hidup bersama COVID-19.
4. Dalam menuju ke arah fasa endemik ini, adalah amat penting untuk pendekatan secara menyeluruh dilaksanakan bagi menentukan SOP yang dapat melindungi nyawa serta kesihatan rakyat disamping memastikan pengukuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

5. Ini kerana situasi sekarang sudah berbeza dengan tahun lepas. Tahun ini kita sudah melaksanakan pemberian vaksin secara besar-besaran kepada rakyat yang mana Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) juga menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan.
6. Harapan saya, perancangan kita selepas ini akan boleh terus ditambahbaik. Saya juga berharap SOP seterusnya yang bakal diumumkan oleh Kerajaan kelak lebih bersifat menyeluruh, jangka masa panjang, mudah difahami serta paling penting dapat menjamin tiga tonggak utama iaitu, kesihatan, ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

B. ATM SEDIA DIATURGERAK BAGI MEMBANTU MEREDAKAN SITUASI DI 5 NEGERI

1. Dalam pada itu, seperti dinyatakan oleh Menteri Kesihatan semalam, terdapat lima negeri yang mempunyai penularan jangkitan harian yang tinggi ketika ini iaitu Sabah, Johor, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan.
2. Usaha bagi mengurus dan meredakan situasi di kelima-lima negeri berkenaan sudah tentunya akan menjadi keutamaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kerana seperti saya jelaskan semalam, antara perkara paling penting bagi ATM ketika ini ialah memenuhi agenda nasional terutama memerangi COVID-19. ATM sememangnya mempunyai infrastruktur, aset serta kepakaran yang mencukupi dan sedia diaturgerak pada bila-bila masa.
3. Sehubungan dengan itu, ATM melalui Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera bersedia untuk membantu pihak Kerajaan dengan mendirikan Hospital Medan ATM di negeri-negeri yang akan dikenalpasti oleh KKM. Ia bagi membantu memberikan rawatan ke atas pesakit-pesakit COVID-19 khususnya



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

yang berada dalam keadaan tahap 3 ke atas. Saya percaya, bantuan ATM ini akan dapat membantu berupaya mengurangkan beban yang ditanggung oleh KKM di negeri-negeri berkenaan.

4. Selain itu, mengambil kira kenyataan Menteri Kesihatan semalam bahawa antara keutamaan sekarang ialah untuk meningkatkan bekalan dan mempercepatkan pemberian vaksin di lima negeri berkenaan, maka ATM bersedia untuk membantu menyediakan tim vaksinasi ATM di negeri-negeri yang memerlukan khasnya di kawasan pedalaman yang sukar dicapai oleh pihak KKM.
5. Tidak sekadar di lima negeri berkenaan, ATM juga akan memberi bantuan sewajarnya bagi menjayakan usaha memerangi COVID-19 di negeri-negeri yang lain. Ini termasuklah meningkatkan kapasiti pemberian vaksin secara pandu lalu kepada masyarakat awam seperti yang ditetapkan oleh Sidang Khas MKN hari ini. ATM kini hanya menunggu pengesahan lokasi oleh pihak Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF).

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN

2 SEPTEMBER 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANCANGAN SEMASA DAN PERKEMBANGAN BELANJAWAN 2022 SERTA RANCANGAN MALAYSIA KE-12 KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan salam sejahtera.

A. MINDEF DAN ATM MENJUNJUNG TITAH AGONG

1. Saya ingin mulakan Sidang Media hari ini dengan menyuarakan tekad dan komitmen Kementerian Pertahanan (MINDEF) untuk melakukan segala usaha yang terdaya bagi menjunjung sepenuhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam ucapan Titah Diraja sempena pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-14 pagi tadi, supaya aspek pertahanan dan keselamatan negara termasuk keselamatan siber tidak dialpakan.
2. Saya bersama kepimpinan tertinggi MINDEF dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan terus mengembeleng usaha bagi menambahbaik perancangan demi mempertahankan keselamatan negara di samping membela kesejahteraan Keluarga Malaysia.
3. Saya bagi pihak warga MINDEF dan ATM juga ingin menjunjung kasih atas penghargaan yang dititahkan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada pasukan keselamatan negara termasuk ATM yang telah menumpahkan taat setia, pengorbanan dan sumbangan kepada kemakmuran, keselamatan serta kedaulatan negara terutama di era COVID-19 ini.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

4. Penghargaan oleh Baginda yang juga merupakan Pemerintah Tertinggi ATM ini semestinya akan menambah semangat dan mengukuhkan tekad anggota-anggota ATM serta warga awam MINDEF untuk terus menyumbang khidmat bakti demi kepentingan tanah air tercinta.

B. PERANCANGAN MINDEF BAGI BELANJAWAN 2022 DAN RMKe-12

5. Dalam pada itu, saya baru selesai bertemu kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan (MINDEF) mengenai perancangan pembangunan dan pengurusan Kementerian ini menerusi Belanjawan 2022 serta hala tuju MINDEF dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).
6. Antara agenda utama yang diberi tumpuan dan penekanan oleh MINDEF menerusi Belanjawan 2022 serta RMKe-12 adalah, **pertama, memperkasakan lagi usaha membela kebajikan anggota, veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta ahli keluarga mereka, terutamanya daripada sudut perumahan serta perkhidmatan kesihatan.**
7. **Kedua, MINDEF juga akan terus meletakkan agenda memperkukuh keselamatan negara sebagai keutamaan tertinggi.** Di era COVID-19 ini terutamanya, fokus MINDEF dan ATM tidak boleh lagi hanya terarah kepada usaha menguatkan pertahanan fizikal tetapi mesti turut memperkukuhkan lagi pertahanan siber memandangkan platform maya semakin kerap digunakan khususnya dalam tempoh lebih setahun ini.
8. **Ketiga, mengekalkan tahap keupayaan dan kesiagaan ATM.** Saya telah menerima perincian dan kemaskini berhubung perkara-perkara yang diperlukan oleh ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu Tentera Darat



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) termasuklah berkaitan aset-aset baharu.

9. Saya amat memahami keperluan berkenaan namun dalam memikirkan perancangan untuk melaksanakan perolehan aset-aset baharu ketika ini, situasi ekonomi yang tidak menentu ekoran penularan pandemik COVID-19 juga harus diambil kira. Saya telah bincang dan tekankan kepada TDM, TLDM dan TUDM, apa yang paling penting ketika ini ialah **tumpuan mesti terus diberikan terhadap usaha menyelenggara aset-aset sedia ada.**
10. Dalam pada itu, saya juga mahu berkongsi perkembangan beberapa inisiatif sedia ada di MINDEF:
 - i. **Berkaitan Teras Perumahan:** Daripada 30,033 Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) yang dijangka siap dibina pada tahun 2030, 5769 unit telah siap dan 1509 unit sedang dibina. Selain itu, 3,500 unit rumah SASaR sedang dibina di Kem Sungai Besi, manakala 7,343 unit akan dibina di Kem Genting Klang dan Kem Wardieburn.
 - ii. **Berkaitan Teras Kebajikan:** MINDEF merancang menaikkan lima Hospital Angkatan Tentera dan membina lima buah poliklinik baharu. Setakat ini, poliklinik di Kem Penrissen telah 99% siap, 3 poliklinik sedang dibina dan 1 lagi bakal dibina.
 - iii. **Berkaitan Teras Keselamatan:** Selari dengan Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong pagi tadi yang mahu sebarang usaha mencabar kedaulatan negara ditangani sebaiknya, MINDEF telah bina 21 Pos Kawalan baharu iaitu 2 di Semenanjung, 5 di Sabah dan 14 di Sarawak. Usaha ini penting bagi memastikan usaha ATM dalam mengawal sempadan negara terus dapat diperkasakan.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

11. Sementara itu, sejajar dengan arahan YAB Perdana Menteri supaya setiap Kementerian menunjukkan hasil dan memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) dalam tempoh 100 hari pertama, Task Force MINDEF berkaitan usaha memenuhi KPI berkenaan akan fokus terhadap pelaksanaan inisiatif terutamanya yang berimpak tinggi dan memberi manfaat secara langsung kepada keselamatan negara serta kebajikan warga ATM, MINDEF dan rakyat secara keseluruhan.
12. Ia antara lain termasuklah melaksanakan perolehan *Littoral Mission Ship* (LMS) yang dijangka pada hujung September; melaksanakan perolehan pesawat *Maritime Surveillance Aircraft* yang dijangka pada hujung November; menyediakan lebih 2,000 unit Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) baharu bagi manfaat anggota ATM pada hujung Oktober; serta membaikpulih lebih 100 unit rumah milik veteran ATM atau jika perlu ia akan dibina baru.
13. Selain itu, Operasi BENTENG yang dilaksanakan sejak Mei tahun lalu juga akan terus diperkukuh pelaksanaannya bagi memastikan Operasi ini yang melibatkan kerjasama bersepadu antara 19 agensi termasuk ATM terus berupaya mencapai matlamatnya iaitu mengawal sempadan negara daripada kemasukan PATI serta mengekang penularan wabak COVID-19 yang mungkin dibawa oleh mereka.
14. Perkembangan berhubung pelaksanaan perkara-perkara ini akan dimaklumkan dalam tempoh 100 hari.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN

13 SEPTEMBER 2021

PEJABAT MENTERI KANAN PERTAHANAN
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT KUARTET MENTERI COVID-19

1. Hari ini saya bermesyuarat bersama tiga lagi Menteri iaitu Menteri Kesihatan, YB Khairy Jamaluddin; Menteri Kewangan, YB Senator Dato' Sri Tengku Zafrul; serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa dengan persetujuan YAB Perdana Menteri serta Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik pada 2 September lepas.
2. Penglibatan keempat-empat Menteri ini cukup penting dan masing-masing mempunyai peranan yang jelas. YB Khairy Jamaluddin akan fokus terhadap aspek kesihatan, Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan berkongsi data-data sains terutama dalam menuju fasa endemik. Tan Sri Annuar Musa akan bertanggungjawab mengkoordinasi aspek komunikasi agar prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dapat difahami oleh rakyat. Manakala Tengku Zafrul yang juga merupakan Menteri Penyelaras Pelan Pemulihan Negara (PPN) akan menyelaras usaha berkaitan pakej-pakej bantuan untuk rakyat dan inisiatif rangsangan ekonomi.
3. Perbincangan kami tadi tertumpu kepada empat agenda utama termasuklah:
 - i. Melihat keputusan-keputusan berhubung kelonggaran yang telah diumumkan sebelum ini dan bagaimana SOP sedia ada dapat diperkemaskan lagi agar lebih mudah difahami.
 - ii. Meneliti kelonggaran-kelonggaran yang telah dipersetujui secara prinsip di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik dan memperincikan SOP sesuai sebelum diumumkan kepada orang ramai.
 - iii. Melihat potensi pembukaan lebih banyak sektor pada masa hadapan termasuk memperluaskan lagi kelonggaran dalam sektor pelancongan.
 - iv. Memperincikan naratif menjelang peralihan ke fasa endemik bermula hujung Oktober.
4. Susulan pertemuan dan perbincangan tadi, perkara-perkara berikut telah dipersetujui bersama.
 - A. PENETAPAN SOP BERDASARKAN TAHAP RISIKO JANGKITAN COVID-19**
5. Mengambil kira penularan varian-varian baharu yang mengganas termasuk varian Delta, penetapan SOP selepas ini akan dibuat dengan matlamat untuk memastikan ia berupaya mengelak sebaik mungkin 3C atau 3S sekaligus mengurangkan risiko jangkitan COVID-19.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

- i. **Crowded Places (Sesak)** – Penjarakan berjauhan dalam masa yang singkat adalah lebih selamat.
 - ii. **Confined Spaces (Sempit)** – Kawasan lapang di luar adalah lebih selamat
 - iii. **Close Conversation (Sembang Dekat)** – Penjarakan berjauhan, pemakaian pelitup muka, interaksi singkat adalah lebih selamat.
6. Menerusi kaedah penetapan SOP yang mengguna pakai prinsip 3C/3S ini, Kerajaan bersedia mempertimbangkan lebih banyak kelonggaran bagi membolehkan rakyat melaksanakan aktiviti sosial dan ekonomi yang dinilai berada pada tahap risiko rendah.

B. KELONGGARAN-KELONGGARAN BAHARU DI BAWAH FASA-FASA PPN

7. Sehubungan itu, sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik telah bersetuju untuk membenarkan beberapa kelonggaran baharu yang dinilai berada pada tahap risiko rendah.
8. Dalam menetapkan kelonggaran-kelonggaran ini, Kerajaan sesungguhnya amat memahami tekanan, kepenatan dan kelesuan rakyat selepas lebih setahun berada dalam situasi pandemik yang membataskan aktiviti dan pergerakan. Situasi ini tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana berisiko membawa kepada kesan yang lebih serius terutama menjejaskan kesihatan mental.
9. Justeru, sejajar dengan matlamat Kerajaan di bawah tonggak kesejahteraan rakyat iaitu untuk memastikan kesihatan mental individu, YAB Perdana Menteri akan mengumumkan beberapa kelonggaran tambahan bagi sektor sosial dan ekonomi dalam masa terdekat.

C. KERAJAAN SEDANG MEMPERTIMBANGKAN KELONGGARAN TAMBAHAN

10. Selain kelonggaran-kelonggaran yang bakal diumumkan, Kerajaan turut sedang meneliti dan mempertimbangkan beberapa lagi bentuk kelonggaran tambahan. Ia termasuklah:
- i. Aktiviti pelancongan selain daripada destinasi yang termasuk dalam inisiatif gelembung pelancongan.
 - ii. Menambah destinasi di bawah inisiatif gelembung pelancongan untuk destinasi bukan pulau.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

iii. Pembukaan gimnasium

11. Namun sebelum kelonggaran-kelonggaran berkenaan diumumkan, Kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terlebih dahulu melakukan penilaian tahap risiko jangkitan COVID-19 dengan menggunakan prinsip 3C/3S.
12. Sekiranya ia memenuhi syarat serta kriteria ditetapkan, Kerajaan bersedia membenarkan pelaksanaannya. Perincian mengenainya akan dibincang dalam Mesyuarat Kuartet Menteri akan datang.

D. MEMPERKEMAS SOP-SOP SEDIA ADA AGAR LEBIH MUDAH DIFAHAMI

13. Pada masa yang sama, saya bersama tiga lagi Menteri turut akan memperhalusi usaha ke arah memperkemas lagi SOP-SOP sedia ada supaya ia lebih difahami rakyat, golongan industri dan pihak yang menjalankan penguatkuasaan.
14. Buat masa ini, terdapat 181 SOP merangkumi keempat-empat fasa PPN. Menerusi usaha memperkemas semula SOP berkenaan, matlamatnya adalah untuk mengurangkannya hanya kepada 10 SOP.
15. Langkah memperkemas SOP-SOP yang telah digunakan selama lebih setahun ini tentunya akan mengambil sedikit masa namun Kerajaan komited untuk menyelesaikannya sebelum peralihan ke fasa endemik.
16. Bagi menentukan bagaimana SOP-SOP sedia ada ini dapat diperkemas, Kerajaan tidak hanya mengambil kira data-data sains khususnya daripada KKM, tetapi juga maklum balas serta pandangan daripada pakar-pakar dan golongan industri. Perkembangan mengenainya akan dimaklumkan dari masa ke masa.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN

14 SEPTEMBER 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA DIARAH KAJI SEMULA KATEGORI PERMOHONAN MYTRAVELPASS

1. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik semalam telah membincangkan maklum balas dan pandangan orang ramai berhubung program **MyTravelPass** di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dikendalikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
2. **Susulan perbincangan berkenaan, saya ingin memaklumkan bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah meminta JIM supaya mengkaji semula kategori-kategori permohonan yang boleh diberi kebenaran terus tanpa perlu memohon kelulusan melalui MyTravelPass.**
3. **JIM akan membentangkan cadangan berkenaan kepada Jawatankuasa Teknikal COVID-19 MKN.**
4. Dalam pada itu, saya juga ingin menjelaskan bahawa dari 7 Oktober 2020 hingga 10 September 2021, JIM telah menerima sebanyak 356,510 permohonan. Daripada jumlah berkenaan, 208,509 telah diluluskan; 127,465 telah ditolak; 6,697 dibatalkan sendiri oleh pemohon; dan 13,000 permohonan sedang diproses oleh 3 *task force*.
5. Berdasarkan maklumat daripada JIM, terdapat empat (4) faktor yang boleh menyebabkan permohonan ditolak iaitu nama berada dalam senarai syak oleh JIM; dokumen tidak lengkap; dokumen yang dimuatnaik tidak boleh dibaca; dan dokumen dipalsukan.
6. Sekali lagi diingatkan, **permohonan melalui MyTravelPass haruslah dibuat 14 hari sebelum hari jangkaan untuk berlepas.** Permohonan tersebut perlu dibuat secara atas talian di portal berikut: (<https://mtp.imi.gov.my>).
7. Mengenai isu beberapa syarikat penerbangan yang meletakkan syarat supaya penumpang menunjukkan MyTravelPass walaupun mereka berada dalam kategori yang tidak perlu membuat permohonan, ingin saya tegaskan bahawa syarikat-syarikat berkenaan tidak sepatutnya berbuat sedemikian. Saya telah minta Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong untuk memaklumkan kepada syarikat-syarikat berkenaan agar mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
8. Sementara itu, berikut merupakan kategori-kategori yang perlu dan tidak perlu memohon kelulusan melalui MyTravelPass seperti yang telah dijelaskan beberapa kali oleh JIM sebelum ini. Senarai kategori ialah seperti di **LAMPIRAN A.**

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN

16 SEPTEMBER 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAMPIRAN A: KATEGORI YANG PERLU DAN TIDAK PERLU MEMOHON KELULUSAN MELALUI MYTRAVELPASS

PERLU

- i. Warganegara yang **baru mendapat** tawaran bekerja atau belajar di luar negara.
- ii. Pelajar yang ingin menduduki peperiksaan di luar negara.
- iii. Menghadiri mesyuarat / seminar / urusan perniagaan di luar negara.
- iv. Menyertai pameran / pertandingan sukan / latihan di luar negara dengan mengemukakan surat sokongan daripada Agensi kawal selia.
- v. Urusan kecemasan ahli keluarga terdekat (kematian / ahli keluarga ditimpa kemalangan / sakit).
- vi. Pemegang Visa Pasangan / Tunangan (perkahwinan yang tidak didaftarkan secara sah).
- vii. Menyertai misi bantuan kemanusiaan / keagamaan dengan mengemukakan surat kelulusan yang telah diperolehi daripada Jawatankuasa Bersama JPM serta dokumen sokongan lain yang berkaitan.

TIDAK PERLU

- i. Diplomat dan pegawai Kedutaan Malaysia yang akan / kembali bertugas di luar negara termasuk tanggungan masing-masing.
- ii. Pelajar dan tanggungan yang **meneruskan pengajian** dengan syarat memiliki visa pelajar atau visa tanggungan yang sah.
- iii. Pemegang Pas Jangka Panjang di luar Negara (Pemastautin Tetap / Pas Residen / Pas Kerja dan lain-lain)
- iv. Bekerja dengan syarikat petroleum dan syarikat perkapalan yang perlu *sign-on* ke atas kapal di luar negara.
- v. Mengiringi pelajar ke luar negara bagi tujuan belajar dan terhad kepada dua (2) orang pengiring sahaja. **Pengiring perlu melakukan perjalanan keluar bersama-sama pelajar pada masa yang sama.**



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

A. KERJASAMA MINDEF-KPM DALAM PROGRAM VAKSINASI BACK TO SCHOOL

1. Saya mulakan sidang media hari ini dengan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Kanan Pendidikan, YB Datuk Dr. Radzi Jidin atas komitmen beliau untuk sekali lagi meluangkan masa bersama warga Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) hari ini.
2. Ini merupakan pertemuan kedua kami yang mana semasa pertemuan pertama pada 15 September lepas, saya telah suarakan jaminan kepada beliau bahawa MINDEF sedia bekerjasama dan membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) demi memastikan pembukaan sesi persekolahan dalam masa terdekat berjalan lancar termasuk di sekolah-sekolah di dalam kem-kem ATM.
3. ***Sebelum saya jelaskan lebih lanjut tentang kerjasama ini, saya serahkan dahulu sidang media ini kepada YB Datuk Radzi Jidin.***
4. Mengambil kira vaksinasi sebagai antara perlindungan terbaik daripada kesan jangkitan virus COVID-19, ATM komited untuk segera memulakan kerjasama ini melalui Program Vaksinasi *Back To School*. Kerjasama ini penting demi melancarkan pemberian vaksin kepada para pelajar termasuk **5,887 orang pelajar berumur 12 hingga 17 tahun di sekolah-sekolah di dalam kem-kem ATM.**
5. Sebagai permulaan, MINDEF melalui Jabatan arah Pendidikan dan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM melaksanakan Program Vaksinasi *Back To School* di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur hari ini.
6. **Untuk hari ini sahaja, 255 orang pelajar Tingkatan 4 dan 5 SMK Desa Tun Hussein Onn menerima suntikan vaksin *Comirnaty (Pfizer BioNtech)*. Manakala baki 675 orang pelajar lagi dijangka selesai menerima suntikan masing-masing pada 24 September 2021.**
7. Selain SMK Desa Tun Hussein Onn, terdapat 4 buah lagi sekolah menengah di dalam kem-kem ATM iaitu Maktab Rendah Sains Mara, Kem Terendak, Melaka; SMK Kem Terendak, Melaka; SMK Pangkalan TLDM, Lumut Perak; dan SMK Tanjung Pengelih, Johor. Vaksinasi bagi pelajar sekolah-sekolah berkenaan akan dilaksanakan secara berperingkat oleh Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang berhampiran.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

8. Dalam pada itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa Maktab Tentera Diraja (MTD) di Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur turut berada di bawah tanggungjawab ATM. Sehubungan itu, Program Vaksinasi Remaja untuk pelajar MTD akan dilaksanakan pada minggu kelima bulan September iaitu sebaik sahaja kesemua 504 orang pelajarnya kembali melaporkan diri pada 27 September ini.
9. Untuk pemberian vaksin kepada pelajar sekolah rendah pula, seramai 330 orang pelajar di Sekolah Kebangsaan Kem Kementah dan Sekolah Kebangsaan Desa Tun Hussein Onn akan diberi suntikan vaksin yang mana ia juga dijangka selesai pada 24 September 2021.
10. ATM sentiasa bersedia untuk mengaturlerak Tim Suntikan Bergerak Perkhidmatan Kesihatan ATM pada bila-bila masa bagi membantu KPM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan program vaksinasi di sekolah-sekolah di seluruh negara sekiranya diperlukan.

B. PERKEMBANGAN MESYUARAT MENTERI KUARTET COVID-19

11. Sementara itu, saya ingin memaklumkan bahawa esok akan diadakan Mesyuarat Kedua Menteri Kuartet COVID-19. Agenda utamanya ialah fokus terhadap usaha mempermudah 181 Prosedur Operasi Standard (SOP) kepada 10 SOP yang telah saya sebutkan minggu lepas.
12. Menteri Pelancongan, YB Dato' Sri Hajjah Nancy serta Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Seri Ahmad Faizal Azumu turut dijemput ke mesyuarat ini. Kementerian Pelancongan akan memberi taklimat mengenai status terkini projek perintis *travel bubble* Langkawi dan potensi gelembung pelancongan yang lain. Manakala Kementerian Belia dan Sukan akan memberi taklimat mengenai potensi kelonggaran-kelonggaran lain dalam sektor sukan.
13. Dalam pertemuan berikutnya minggu depan, kami akan menjemput pula Menteri Kanan Pendidikan, YB Datuk Radzi Jidin bagi memberi taklimat kepada Menteri Kuartet mengenai pelaksanaan vaksinasi bagi pelajar serta perkembangan terkini proses yang dilaksanakan KPM dalam pembukaan sekolah.
14. Selain perkara berkenaan, Mesyuarat Menteri Kuartet COVID-19 esok turut akan memberi tumpuan terhadap naratif menjelang fasa endemik yang bermula hujung Oktober ini.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN
20 SEPTEMBER 2021



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD () 01/10

**PESAWAT TERBANG RENDAH SEMASA ACARA TERBANG LINTAS SEMPENA
SAMBUTAN 50 TAHUN FIVE POWER DEFENCE ARRANGEMENTS (FPDA)**

Pada tahun ini, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi acara sambutan 50 Tahun Five Power Defence Arrangements (FPDA) dan 11th FPDA Defence Ministers Meeting pada 21 Oktober 2021 di Kuala Lumpur. Sambutan ini juga akan diraikan dengan satu acara terbang lintas (fly-past) melibatkan pesawat pejuang negara-negara anggota FPDA yang akan berlangsung pada 21 Oktober 2021 jam 5.45 petang di Pangkalan Udara Subang.

Bagi menjayakan acara berkenaan, pesawat-pesawat tersebut akan melaksanakan latihan penerbangan melibatkan formasi-formasi penerbangan rendah serta taktikal di ruang udara sekitar kawasan Lembah Klang bermula pada 19 Oktober 2021. Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak cemas dan bimbang sekiranya melihat pesawat-pesawat terbang rendah serta terdengar bunyi enjin pesawat sepanjang tempoh latihan sehingga hari sebenar acara tersebut.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

18 Oktober 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

A. SIDANG VIDEO BERSAMA SETIAUSAHA PERTAHANAN FILIPINA

1. Hari ini saya mengadakan sidang video bersama Setiausaha Pertahanan Filipina, Tuan Yang Terutama (TYT) Delfin N. Lorenzana yang juga rakan sejawat semasa saya memegang jawatan Menteri Pertahanan sebelum ini.
2. Sidang video hari ini bukan sahaja selari dengan salah satu Teras Utama Kementerian Pertahanan iaitu memperkukuh kerjasama menerusi **diplomasi pertahanan**, malah sejajar dengan hasrat saya yang mahu berhubung dengan kesemua rakan sejawat di ASEAN sebelum *Asean Defence Ministers' Meeting (ADMM) Retreat* pada bulan November nanti. Selain Delfin Lorenzana hari ini, saya turut telah berhubung dengan Menteri Pertahanan Brunei, Singapura, Indonesia dan Kemboja baru-baru ini.
3. Dalam sidang video bersama Delfin Lorenzana hari ini, kami telah membincangkan beberapa perkara penting terutama dari sudut keselamatan serantau. Ia antara lain termasuklah:
 - i. **Memperkukuh kerjasama pertahanan Malaysia-Filipina** – ia termasuklah melalui lebih banyak operasi dan latihan ketenteraan bersama serta lawatan timbal balik.
 - ii. ***International Monitoring Team (IMT) di Mindanao, Selatan Filipina*** – saya dan Delfin Lorenzana senada bahawa IMT kekal penting terutama dalam usaha memastikan keamanan di wilayah berkenaan.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

- iii. **Trilateral Cooperative Arrangements (TCA) antara Malaysia, Indonesia, dan Filipina** – saya dan Delfin Lorenzana berpuas hati dengan perkembangan inisiatif yang dimulakan sejak tahun 2017 ini dalam menangani ancaman keselamatan di Laut Sulu dan Sulawesi. Kami juga setuju untuk mengadakan mesyuarat peringkat Menteri antara ketiga-tiga negara dalam masa terdekat bagi memperkukuhkan lagi inisiatif ini.
- iv. **Kerjasama ketenteraan antara Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat (AUKUS)** – saya tekankan bahawa ASEAN harus senada dan bersatu dalam menjawab isu-isu yang berupaya mempengaruhi keselamatan serantau termasuk AUKUS.

B. EXERCISE BERSAMA GOLD 2021

4. Dalam pada itu, hari ini saya turut mengadakan interaksi secara sidang video dengan para peserta yang terlibat dalam *Exercise Bersama Gold 2021 (BG21)*. BG21 merupakan latihan ketenteraan bersama yang diadakan di **Laut China Selatan** bermula 8 hingga 18 Oktober 2021 melibatkan kesemua negara anggota *Five Power Defence Arrangements (FPDA)* iaitu Malaysia, Singapura, New Zealand, United Kingdom dan Australia. Ia menggabungkan komponen maritim dan udara tanpa sentuhan, serta daratan secara maya menerusi bengkel “jungle warfare”.
5. BG21 dilaksanakan secara eksklusif sempena ulang tahun ke-50 FPDA yang bakal disambut Khamis ini, di mana Malaysia diberi penghormatan sebagai tuan rumah.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

6. **BG21 melibatkan kekuatan seramai 2,647 anggota iaitu dari Australia - 780; Malaysia – 570; New Zealand - 309; Singapura - 720; United Kingdom - 243; dan *Headquarters Integrated Area Defence Systems (HQIADS)* – 25. Dari sudut aset, ia melibatkan sebanyak 48 aset milik angkatan tentera kelima-
lima negara merangkumi 10 kapal laut, 1 kapal selam, 25 pesawat pejuang, 6 pesawat sokongan dan 6 helikopter.**
7. Dalam sidang video sebentar tadi, saya mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan BG21. Kejayaan mengadakan BG21 seperti yang dirancang bukan sahaja amat bermakna menjelang sambutan ulang tahun ke-50 FPDA, malah lebih penting ia menyerlahkan komitmen negara anggota FPDA untuk terus bekerjasama rapat dalam usaha menangani ancaman keselamatan semasa terutama di rantau ini.
8. InsyaAllah, seperti saya nyatakan tadi, FPDA bakal menyambut ulang tahun ke-50 pada 21 Oktober ini. Kesemua Menteri Pertahanan dari lima negara anggota akan bermesyuarat secara maya pada hari berkenaan yang mana ia akan dipengerusikan oleh saya sendiri selaku tuan rumah mesyuarat kali ini.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN

MENTERI KANAN PERTAHANAN

18 OKTOBER 2021



Siaran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 JLD 4 () 02/10

TERBANG LINTAS SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN FIVE POWER DEFENCE ARRANGEMENTS (FPDA)

Malaysia menjadi tuan rumah bagi acara sambutan 50 Tahun Five Power Defence Arrangements (FPDA) dan 11th FPDA Defence Ministers Meeting yang akan berlangsung pada 21 Oktober 2021 di Kuala Lumpur. Sebagai simbolik kemuncak acara sambutan berkenaan, satu acara terbang lintas (fly-past) melibatkan pesawat pejuang negara-negara anggota FPDA akan berlangsung di Pangkalan Udara Subang.

Sebanyak 16 buah pesawat pejuang terdiri dari 5 buah Su-30MKM dan 4 buah Hawk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), 2 buah F-15SG dan 2 buah F-16 C/D *Republic Singapore Air Force* (RSAF) serta 3 buah F/A-18F *Royal Australian Air Force* (RAAF) akan menjayakan terbang lintas berkenaan.

Orang ramai dijemput menyaksikan acara terbang lintas berkenaan secara *livestream* di laman *facebook* rasmi Hishammuddin Hussein dan Kementerian Pertahanan Malaysia serta siaran secara langsung melalui saluran TV1 (RTM) bermula jam 5.40 petang (21 Oktober 2021).

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
20 OKTOBER 2021**



**SUBANG
AIR BASE**



KEMENTERIAN
PERTAHANAN MALAYSIA

50TH FPDA ANNIVERSARY FLYPAST

FIVE POWER DEFENCE ARRANGEMENTS

1ST SEGMENT

RMAF



4 x Hawk with
Diamond Formation

RAAF



3 x F/A-18F with
VIC Formation

RSAF



5 x SU-30MKM with
VIC Formation



2 x F15SG and 2 x F16C/D
with Diamond
Formation

**WATCH US LIVE AT
1740H 21 OCT 2021**



Kementerian
Pertahanan
Malaysia

Hishammuddin
Hussein

2ND SEGMENT

RMAF



4 x Hawk with Diamond Formation



3 x SU-30MKM with Fan Burst



2 x SU-30MKM with Running In and Pitch



1 x SU-30MKM High with Speed Low Level
and Victory Roll



1 x SU-30MKM with High Speed Low Level Overhead



Kementerian Pertahanan Malaysia



@MINDEFMalaysia



mindefmalaysia



Kementerian Pertahanan



SENIOR MINISTER OF DEFENCE
MALAYSIA

PRESS STATEMENT

11th FPDA Defence Ministers' Meeting and 50th FPDA Anniversary Celebration

1. Today, Malaysia has successfully hosted the 11th FPDA Defence Ministers' Meeting (FDMM) with the Minister of Defence Singapore, Dr Ng Eng Hen; Minister for Defence Australia, Peter Dutton; Minister of Defence New Zealand, Peeni Henare, and Minister for Armed Forces United Kingdom, James Heapey, attending virtually; and the High Commissioners and Defence Attachés from the respective partner nations attending physically.

2. The convening of today's 11th FDMM is an affirmation of continued commitment by all five nations to the Five Power Defence Arrangements (FPDA). During the meeting, all leaders expressed satisfaction with the outcomes which included an exchange of views on emerging security challenges in the context of regional defence cooperation, discussion on FPDA exercises and activities, a 10-year plan for exercises from 2022 to 2031, and the adoption of the 50th FPDA Anniversary Stock-Take.

3. Guided by the 3R principles of **Remit, Relevant and Reassurance**, the 50th FPDA Stock-Take provides future direction on the FPDA's strategic priorities, organisational processes and structure, and activity plans. Today, the Defence Ministers agreed for the FPDA to focus on continuing high-end warfighting serials with the introduction of 5th generation assets; enhancing the mission of counter-terrorism and maritime security of non-traditional domains; introducing cyber security progressively into FPDA exercises; and continuing the observership programme as a way to enhance transparency and reassurance with regional partners.

4. The meeting also commended partner-nations' commitment for the successful conduct of the Exercises, namely *Bersama Shield* in April 2021, *Suman Warrior* in July 2021, and *Bersama Gold* in October 2021. The recently concluded *Bersama Gold 2021*



SENIOR MINISTER OF DEFENCE
MALAYSIA

PRESS STATEMENT

held this month was exclusively designed to mark the 50th FPDA Anniversary, and is also the first contactless FPDA Field Training Exercise (FTX) executed in a COVID-19 safe environment. The continuation of the exercise even during a pandemic is proof that the FPDA remains resilient and is able to adapt and overcome any challenges.

5. Malaysia is committed to supporting the Arrangements, and looks forward to the FPDA resuming full activities and exercises once the COVID-19 pandemic stabilises. Finally, to commemorate the 50th Anniversary of FPDA, Malaysia is honoured to host the 50th FPDA Anniversary celebration which marks another historical milestone for the Arrangements, with a launching of the 50th FPDA Video, and memorabilia items comprised of 50th Anniversary book, coin, and stamps, ending with a commemorative Fly-Past at the Subang Air Base portraying FPDA's unity and cohesion over the last 50 years.

6. The Defence Ministers also had the opportunity to call upon the Prime Minister of Malaysia, The Right Honourable Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob and the Prime Minister of Singapore His Excellency Mr Lee Hsien Loong. The joint courtesy call was the first-ever done in the history of the FPDA. To reaffirm the partner-nations' commitment towards the Arrangement, the FPDA Defence Ministers also signed the 11th FDMM Joint Declaration to symbolise and commemorate our enduring partnership within a constructive regional security architecture.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
SENIOR MINISTER OF DEFENCE

21 OCTOBER 2021



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 03/10

LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN REPUBLIK INDONESIA

Menteri Pertahanan Republik Indonesia, TYT Prabowo Subianto akan mengadakan lawatan kerja selama sehari ke Malaysia pada 28 Oktober 2021.

Pada lawatan berkenaan, Menteri Kanan Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein akan mengiringi rakan sejawat beliau iaitu Menteri Pertahanan Republik Indonesia, TYT Prabowo Subianto bagi melaksanakan Kunjungan Hormat ke atas Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Selesai Kunjungan Hormat tersebut, Menteri Pertahanan Republik Indonesia dan delegasi akan terlibat dalam Pertemuan Dua Hala bersama Menteri Kanan Pertahanan Malaysia dan pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan Malaysia serta Angkatan Tentera Malaysia. Dalam pertemuan yang dirancang di Wisma Pertahanan, kedua-dua pemimpin tersebut akan membincangkan beberapa isu bersama bagi mengeratkan hubungan diplomasi pertahanan antara Malaysia dan Indonesia.

Kementerian Pertahanan Malaysia mengendalikan pelaksanaan lawatan ini berdasarkan tatacara-tatacara dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan COVID-19 yang amat ketat seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan Indonesia.

-TAMAT-

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

KUALA LUMPUR

27 Oktober 2021 (Dikeluarkan Pada Jam 2.00 Petang)



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN INDONESIA KE MALAYSIA

1. Hari ini menandakan satu lagi detik penting bagi hubungan serumpun Malaysia-Indonesia terutama dari sudut **diplomasi pertahanan**. Ini merupakan **pertemuan bersemuka pertama antara Menteri Pertahanan kedua-dua negara** sejak pandemik melanda dunia. Lawatan kerja selama sehari Tuan Yang Terutama (TYT) Prabowo Subianto ke Malaysia susulan perbincangan secara sidang video pada 4 Oktober lepas.
2. Rangka lawatan kerja TYT Prabowo dimulakan dengan beliau mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Sejurus selesai, TYT Prabowo mengunjungi Kementerian Pertahanan yang mana beliau telah menerima tabik hormat Kawalan Kehormatan Utama daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu DiRaja (RAMD). Ia kemudiannya disusuli dengan mesyuarat dua hala yang telah menyentuh beberapa perkara penting khususnya berkaitan perihal keselamatan dua hala dan serantau. Perkara yang telah dibincangkan ialah seperti berikut:

A. Kerjasama Pertahanan Dua Hala

3. Saya dan TYT Prabowo berkongsi pandangan bahawa penting untuk setiap negara ASEAN mengukuhkan diplomasi pertahanan demi kepentingan keselamatan serantau. Dari sudut kerjasama pertahanan Malaysia-Indonesia, kami saling memuji dan menzahirkan penghargaan atas komitmen angkatan tentera negara masing-masing yang kembali aktif mengadakan latihan ketenteraan bersama. Ia antara lain KEKAR MALINDO dan LINUD MALINDO, serta operasi bersama seperti Patrol Terkoordinasi (PATKOR) Laut dan PATKOR Udara.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

4. Selain itu, kami turut senada bahawa penglibatan bersama antara Perkhidmatan Kesihatan angkatan tentera kedua-dua negara perlu ditingkatkan terutama menerusi perkongsian amalan terbaik berkaitan pemberian vaksin, kaedah rawatan dan pendekatan ujian saringan COVID-19.

B. Kerjasama Kawalan Keselamatan Di Sempadan Malaysia-Indonesia

5. Saya dan TYT Prabowo juga berkongsi komitmen untuk meningkatkan lagi kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Tentera Nasional Indonesia (TNI) bagi **memperkuh kawalan keselamatan di sempadan Malaysia-Indonesia, terutamanya menerusi pengoperasian Pos-Pos Gabungan.**
6. Buat masa ini, operasi gabungan antara Tentera Darat Malaysia (TDM) dan TNI adalah di 6 penempatan Pos Gabungan yang tertumpu di sempadan Sarawak-Kalimantan.
7. Kami juga bersetuju untuk meneruskan latihan bersama antara angkatan tentera negara masing-masing dalam usaha menangani ancaman pengganas iaitu melalui **LATGABMA MALINDO DARSASA yang akan diadakan pada tahun hadapan di Malaysia.** Latihan bersama ini akan melibatkan kerjasama ketiga-tiga cabang perkhidmatan dari angkatan tentera serta pasukan polis kedua-dua negara.

C. General Border Committee Malaysia-Indonesia (GBC MALINDO)

8. Turut berkaitan kawalan sempadan, **Malaysia bakal menjadi tuan rumah GBC MALINDO ke-42 pada Februari 2022.** Kali terakhir mesyuarat ini diadakan ialah pada tahun 2018 disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan kedua-dua negara telah bersetuju untuk meneruskannya tahun hadapan. Mesyuarat ini penting bagi membincangkan usaha-usaha memperkuh keselamatan sempadan antara



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

kedua-dua negara. Justeru, tadi saya ambil kesempatan menyampaikan jemputan kepada Kerajaan Indonesia melalui TYT Prabowo. Jemputan Malaysia disambut baik dan pihak Indonesia telah menyuarakan kesediaan untuk hadir.

D. Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Pertahanan Dua Hala

9. Kedua-dua belah pihak sepakat untuk mengukuhkan kerjasama pertahanan sedia ada antara Malaysia dan Indonesia. Malah, hari ini bangga untuk kami maklumkan bahawa buat pertama kalinya satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang memfokuskan terhadap kerjasama pertahanan menyeluruh antara Malaysia-Indonesia bakal dilaksanakan dan ditandatangani awal tahun hadapan.

E. Trilateral Cooperative Arrangement

10. Sementara itu, saya dan TYT Prabowo juga berbincang mengenai inisiatif *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) yang saya mulakan bersama Menteri Pertahanan Indonesia sebelum ini, TYT Ryamizard Ryacudu dan Setiausaha Pertahanan Filipina, TYT Delfin N. Lorenzana pada tahun 2017. Kami saling menzahirkan penghargaan atas komitmen penuh angkatan tentera masing-masing dalam menjayakan TCA melalui rondaan udara dan maritim. Namun pada masa yang sama, kami juga bersetuju bahawa inisiatif ini masih mempunyai ruang yang boleh ditambah baik demi menangani ancaman di Laut Sulu dan Sulawesi.
11. Sehubungan itu, kami sepakat untuk sekali lagi meningkatkan kerjasama menerusi TCA di peringkat Menteri Pertahanan ketiga-tiga negara. Satu mesyuarat peringkat Menteri Pertahanan Malaysia, Indonesia dan Filipina akan diadakan dalam masa terdekat bagi membincangkan usaha ke arah mengukuhkan lagi inisiatif TCA.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

F. ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) Retreat

12. Selain itu, saya dan TYT Prabowo turut menyentuh mengenai *ADMM Retreat* yang dijangka diadakan bulan depan dengan dipengerusikan Brunei Darussalam sebagai negara Pengerusi ASEAN dengan tema "*The Future of ADMM*". Kami berpandangan bahawa *ADMM Retreat* akan menjadi platform penting bagi membincangkan usaha ke arah meningkatkan lagi kerjasama pertahanan di peringkat serantau antara negara ASEAN sesuai dengan cabaran landskap keselamatan semasa. Malah, ia juga peluang untuk setiap negara anggota ASEAN mengukuhkan kesefahaman dalam berpendirian terhadap sebarang perkembangan semasa berkaitan pertahanan termasuk AUKUS.

G. Kerjasama Pertahanan Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom (AUKUS)

13. Saya dan TYT Prabowo berkongsi pandangan dan pendirian negara masing-masing mengenai AUKUS yang mana di pihak Malaysia, saya sekali lagi suarakan pendirian tegas Malaysia bahawa pembentukan AUKUS melahirkan kegusaran kerana ia berpotensi mengganggu gugat keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara. Ia juga bakal memprovokasi kuasa-kuasa lain untuk turut bertindak lebih agresif di rantau ini terutama di Laut China Selatan.
14. Sebagai negara ASEAN, Malaysia dan Indonesia harus bersama-sama memegang prinsip untuk mengekalkan ASEAN sebagai zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). Semua pihak harus hindari sebarang tindakan ketenteraan yang provokatif atau berpotensi tingkatkan ketegangan serta cetuskan konflik di Laut China Selatan. Sebarang masalah, perbezaan dan pertikaian perlu ditangani, konsisten dan jelas menerusi dialog dan rundingan.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

15. Di akhir pertemuan, kami bertekad untuk terus memelihara hubungan dua hala antara Malaysia-Indonesia yang sedia akrab sejak sekian lama terutama dari sudut keselamatan. Ia juga selari dengan salah satu teras utama Kementerian Pertahanan iaitu Diplomasi Pertahanan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada TYT Prabowo atas lawatan kerja ulung beliau ke Malaysia, yang dikendalikan berdasarkan tatacara-tatacara dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan COVID-19 yang amat ketat seperti ditetapkan oleh Kerajaan Indonesia dan Malaysia.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN

MENTERI KANAN PERTAHANAN

28 OKTOBER 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

A. PERKEMBANGAN PROJEK JIWA MURNI KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. Hari ini saya turun padang bagi meninjau sendiri perkembangan terkini pelaksanaan Projek Jiwa Murni Kementerian Pertahanan bagi tahun 2021 **yang juga merupakan salah satu inisiatif saya sebagai Menteri Kanan Pertahanan di bawah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) 100 hari**. Tinjauan ini penting untuk saya memastikan projek yang dilaksanakan demi membantu golongan asnaf dan fakir miskin ini berjalan lancar dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.
2. Sehubungan itu, sebentar tadi, saya telah merasmikan sebuah Projek Jiwa Murni yang melibatkan kerja-kerja membaik pulih rumah seorang penduduk di Kampung Sri Tambak ini. Rumah yang dibaik pulih ini milik **Puan Juriah Binti Amat Saat**. Ia telah dilaksanakan dalam tempoh 2 minggu bermula 20 September 2021 dan siap sepenuhnya pada 18 Oktober 2021.
3. Tahun ini sebanyak **107 Projek Jiwa Murni** telah disahkan pelaksanaannya di seluruh negara melibatkan kos keseluruhan RM1.68 juta. Projek-projek ini termasuklah projek pembinaan baharu, baik pulih dan senggaraan melibatkan kediaman milik individu awam termasuk veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta bangunan komuniti masyarakat setempat.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

B. BAJET 2022 UNTUK KEMENTERIAN PERTAHANAN

4. Kementerian Pertahanan dan ATM menyambut baik peruntukan yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz untuk sektor pertahanan dan keselamatan negara dalam pembentangan Bajet 2022 yang inklusif dan menyeluruh semalam.
5. Secara keseluruhannya, **Kementerian Pertahanan diperuntukkan sejumlah RM16.14 bilion untuk tahun 2022**, iaitu meningkat sebanyak kira-kira 1.78 peratus (%) berbanding peruntukan tahun lalu. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM11.10 bilion diperuntukkan untuk Perbelanjaan Pengurusan (OE)** dan **RM5.04 bilion diperuntukkan untuk Perbelanjaan Pembangunan (DE)**.
6. Lebih bermakna, **peruntukan yang diterima oleh Kementerian Pertahanan tahun ini merupakan jumlah yang tertinggi sejak Rancangan Malaysia ke-9 (RMke-9)**. Dengan peruntukan yang besar ini, ia bukan sahaja membolehkan Kementerian Pertahanan meneruskan pelaksanaan inisiatif dan projek-projek sedia ada, malah meningkatkan lagi pelaksanaan inisiatif dan projek baharu merangkumi pelbagai agenda di bawah Teras-Teras Utama Kementerian Pertahanan.
7. Bagi **AGENDA KESIAGAAN**, Kerajaan telah **memperuntukkan sejumlah RM4.54 bilion khusus untuk perbelanjaan berkaitan aset**. Penting untuk saya maklumkan, **peruntukan ini meningkat 87% berbanding RM2.42 bilion tahun lalu**. Peruntukan yang ditambah ini sememangnya penting dan selari dengan perancangan Kementerian Pertahanan untuk meningkatkan lagi usaha dalam memenuhi keperluan aset bagi ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

8. **Selain aset, peruntukan Bajet 2022 turut akan digunakan untuk penggantian peralatan.** Ini termasuklah peralatan utama Pasukan Khas Laut (PASKAL) dan Pasukan Khas Udara (PASKAU) melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM14 juta. Kerajaan juga bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM25 juta bagi program menangani keusangan sistem yang melibatkan aset-aset Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).
9. Bagi **AGENDA KEBAJIKAN**, peruntukan Bajet 2022 semestinya akan dimanfaatkan sepenuhnya demi meneruskan usaha **menyediakan kediaman yang lebih selesa kepada anggota, veteran ATM dan warga awam Kementerian Pertahanan.**
10. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM23 juta khusus untuk melaksanakan penggantian perabot di Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT)** yang mana ia selari dengan hasrat yang saya suarakan semasa sesi libat urus Bajet 2022 bersama Menteri Kewangan. Untuk makluman, tiada peruntukan seumpama ini dalam Bajet tahun lalu. **Tidak sekadar itu, Kementerian Pertahanan juga akan meneruskan inisiatif berkaitan RKAT termasuk senggara dan bina baharu. Ini termasuklah melalui peruntukan RM388 juta dalam Bajet 2022 khusus untuk RKAT.**
11. Bagi **AGENDA PENDIDIKAN** pula, Kementerian Pertahanan akan memberi tumpuan terhadap usaha **membaik pulih dan menambah infrastruktur baharu di sekolah-sekolah dalam kem ATM.** Ini penting demi menyediakan perkhidmatan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak warga ATM.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

12. **Bagi AGENDA SAINS DAN TEKNOLOGI**, Bajet 2022 memperuntukkan sebanyak **RM40.7 juta** bagi pembangunan penyelidikan sains dan teknologi pertahanan yang akan dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE).
13. Secara keseluruhannya, bagi pihak seluruh warga Kementerian Pertahanan dan ATM, saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan khususnya YAB Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan atas peruntukan kepada sektor keselamatan dan pertahanan dalam Belanjawan kali ini. Ia bukan sahaja menyerlahkan keprihatinan Kerajaan terhadap aspek kebajikan anggota dan veteran ATM yang juga merupakan sebahagian **Keluarga Malaysia**.
14. Malah, ia turut membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa komited untuk memantapkan lagi sektor pertahanan dan keselamatan negara. InsyaAllah, saya bersama kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan dan ATM akan berusaha sedaya upaya agar peruntukan ini dimanfaatkan dengan telus, berhemah dan berintegriti demi kepentingan tanah air tercinta.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN

MENTERI KANAN PERTAHANAN

30 OKTOBER 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT KE-8 MENTERI KUARTET COVID-19

A. REOPENINGSAFELY DAN PERALIHAN KE FASA ENDEMIK

1. **Mesyuarat Ke-8 Menteri Kuartet COVID-19 hari ini menumpukan terhadap perkembangan peralihan ke fasa endemik.** Ia bagi memastikan setiap perancangan ke arah endemik berjalan lancar, difahami semua pihak dan tidak menjejaskan usaha membendung penularan COVID-19 di negara ini.
2. Penting untuk saya jelaskan, **peralihan ke fasa endemik atau *ReopeningSafely* merupakan satu pendekatan menyeluruh dalam menuju hidup bersama COVID-19.** Terdapat tujuh tonggak di bawah pendekatan ini yang perlu dipenuhi sebagai persediaan ke fasa endemik iaitu:
 - i. 1 SOP umum dan 9 garis panduan;
 - ii. Sistem Amaran dan Tindakan (*Heightened Alert System - HAS*);
 - iii. *National Testing Strategy*;
 - iv. TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform, Seek*);
 - v. *Automated FTTIS (Find, Test, Trace, Isolate, Support)*;
 - vi. Pembukaan Sempadan Negara Secara Berperingkat;
 - vii. Duta-duta Pemerksaan Komuniti.
3. Sejak beberapa bulan lalu, Kerajaan secara berhati-hati dan berperingkat telah memberi pelbagai kelonggaran termasuklah membuka banyak sektor industri, membenarkan rentas negeri, membuka semula sekolah dan institut pengajian tinggi serta melaksanakan gelembung pelancongan dengan Pulau Langkawi sebagai projek rintis.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

4. Alhamdulillah, setakat ini semua berjalan lancar dan ia selari dengan **matlamat Kerajaan untuk membuka dengan berhati-hati, berperingkat dan selamat** pelbagai sektor. Justeru, sebagai Pengerusi Mesyuarat Kuartet COVID-19, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Dalam Negeri serta setiap Kementerian yang terlibat.
5. Buat masa ini, kebanyakan negeri sudah berada di Fasa 4 PPN dan **kita mesti bersedia untuk semua negeri beralih ke Fasa-4** dalam masa terdekat sekaligus banyak lagi kelonggaran akan dibenarkan kelak. Walaubagaimanapun, **keutamaan Kerajaan dalam memerangi COVID-19 tidak akan berganjak, iaitu untuk menyelamatkan nyawa, menurunkan penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi (ICU), meluaskan pemberian vaksinasi melalui dos penggalak dan vaksinasi remaja serta memupuk budaya ujian pengesanan COVID-19 sendiri terutama melalui amalan TRIIS.**
6. Ini amat penting memandangkan **COVID-19 masih berada di sekeliling, kekal sebagai ancaman dan kita perlu belajar untuk hidup bersamanya.** Dalam beberapa hari lepas, KKM telah memaklumkan bahawa R-naught (Rt) meningkat melebihi 1.0. Ketua Pengarah Kesihatan juga telah menyatakan antara puncanya kerana sebahagian masyarakat mula berasa terlalu selesa dengan kelonggaran yang telah diberikan.
7. Ini mesti segera ditangani bagi mengelak situasi lebih buruk. Kita telah lalui situasi perintah berkurung (*full lockdown*) yang amat menekan sebelum ini. Biarpun hari ini situasi sudah berbeza yang mana sebahagian besar rakyat telah menerima vaksinasi lengkap namun penting untuk semua pihak kekal berwaspada. **Ini kerana, negara tidak boleh melalui situasi *full lockdown* di peringkat negeri atau nasional sekali lagi.**



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

B. PEMBUKAAN SEMPADAN NEGARA

8. Salah satu aspek penting dalam peralihan ke fasa endemik atau *Reopening Safely* ialah **pembukaan semula sempadan negara secara berperingkat dan berhati-hati**. Ini merangkumi **pelancongan di bawah Kementerian Pelancongan; kemasukan pekerja asing di bawah Kementerian Sumber Manusia; perjalanan perniagaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; serta yang terbaru skim VTL udara di bawah Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Luar Negeri**.
9. Skim VTL udara ini membolehkan individu yang telah divaksin lengkap melakukan perjalanan ke beberapa negara terpilih tanpa terikat dengan kewajipan menjalani kuarantin. Perdana Menteri Malaysia dan Singapura telah umumkan minggu lalu, skim VTL udara antara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur – Lapangan Terbang Changi akan dimulakan pada 29 November. Selain itu, Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Indonesia juga telah senada untuk memperhalusi VTL antara Kuala Lumpur-Jakarta dan Kuala Lumpur-Bali. VTL udara ini penting untuk kita merencanakan semula sektor pelancongan antarabangsa dan industri penerbangan negara.
10. Tambahan juga, semalam Langkawi telah memulakan gelembung perjalanan (*travel bubble*) antarabangsa. Kerajaan akan pantau rapat perkembangannya sama seperti ketika Langkawi dipilih sebagai projek perintis *travel bubble* untuk pelancongan domestik. Perkembangan *travel bubble* antarabangsa Langkawi ini akan Kerajaan gunakan sebagai salah satu faktor dalam mempertimbangkan perjalanan antarabangsa ke destinasi lain kelak. **Namun keputusan muktamad bergantung kepada Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri**.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

C. PEMERKASAAN KELUARGA MALAYSIA

11. Kerajaan amat berterima kasih kepada semua kerana memahami, sabar dan bertanggungjawab dalam mematuhi setiap langkah pencegahan, garis panduan dan SOP yang ditetapkan sepanjang lebih setahun negara dalam pandemik.
12. Dalam menuju fasa endemik, kita tiada pilihan selain terus bertindak sewajarnya bagi melindungi diri dan orang sekeliling dengan mengamalkan gaya hidup sihat, sentiasa pakai pelitup muka, kekal amalkan penjarakan fizikal, elakkan kawasan sempit, lakukan perjalanan selamat dan patuhi setiap SOP.
13. Untuk kita hapuskan sepenuhnya virus ini adalah mustahil buat masa ini. Namun dengan kerjasama dan peranan semua pihak, kita boleh menghentikan tragedi kematian dan kemasukan pesakit ke hospital terutama ICU serta mengurangkan beban melampau terhadap sistem sosial, ekonomi dan kesihatan negara.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN

PENGERUSI MESYUARAT MENTERI KUARTET COVID-19

MERANGKAP MENTERI KANAN PERTAHANAN

16 NOVEMBER 2021

Kenyataan Media

YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein

Melaka, 17 November 2021

A. PEMBUANGAN UNDI AWAL PRU (DUN) MELAKA

1. Syukur semalam sesi pengundian awal bagi Pilihan Raya Umum (DUN) Melaka telah pun selesai. Kira-kira seramai 8,332 orang (91.3%) daripada jumlah keseluruhan pengundi awal membabitkan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Melaka telah keluar mengundi.
2. Di kesempatan ini, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pengundi awal termasuk anggota ATM dan pasangan yang keluar melaksanakan hak serta tanggungjawab masing-masing.
3. Perkara yang penting adalah proses pembuangan undi awal di kesemua lokasi termasuk di kem-kem ATM di Melaka berjalan lancar tanpa sebarang insiden yang tidak diingini.
4. Malah, melalui maklum balas yang saya terima, pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) pembuangan undi yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berada pada tahap yang baik. Terima kasih saya ucapkan terutama kepada warga ATM kerana berdisiplin dan menunjukkan contoh yang baik.
5. Saya harap suasana tenang dan tahap pematuhan SOP sebegini bukan sahaja dapat dikekalkan sepanjang tempoh berkempen yang hanya berbaki 2 hari sahaja lagi. Tetapi lebih penting, dapat dikekalkan pada hari pembuangan undi pada 20 November nanti. InsyaAllah.

B. INSIDEN MELIBATKAN SEBUAH PESAWAT PEJUANG HAWK 108 MILIK TUDM

1. Saya amat terkejut dan berdukacita dengan kemalangan melibatkan pesawat pejuang Hawk 108 milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ketika sedang melaksanakan latihan penerbangan malam (*Night Flying*) di landasan (*runway*) 36 Pangkalan Udara Butterworth, Pulau Pinang semalam.
2. Lebih menyedihkan, kemalangan ini telah menyebabkan **Kapten Mohamad Affendi bin Bustamy TUDM** yang merupakan juruterbang di No. 6 Skuadron Pangkalan Udara Labuan dan berasal dari Bandar Tun Razak, Pahang meninggal dunia.
3. Manakala **Mejar Mohd Fareez bin Omar TUDM** yang merupakan Ketua Flait Penerbangan di No. 15 Skuadron dan berasal dari Dengkil, Selangor telah mengalami kecederaan.
4. Susulan itu, **saya telah arah Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan ATM khususnya TUDM untuk segera hulur apa jua bentuk keperluan** bagi memastikan aspek kebajikan keluarga kedua-dua pegawai terlibat diberi perhatian sewajarnya. Ini termasuklah melalui Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) yang diuruskan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MINDEF. Anggota penerima benefisiari layak menerima bantuan TAPPN sekiranya diperakui oleh Ketua Jabatan tercedera atau meninggal dunia ketika menjalankan tugas aktif dan kecederaan atau kematian tersebut bukan berpunca daripada kecuaiian atau salah laku anggota.
5. Dalam masa yang sama, **saya telah mengarahkan Panglima Angkatan Tentara dan Panglima Tentera Udara untuk menubuhkan Lembaga Siasatan Khas** bagi mengenal pasti secara terperinci punca kemalangan berkenaan dan memaklumpkannya kepada saya serta orang awam dari semasa ke semasa.

6. Siasatan menyeluruh mengambil kira faktor operasi dan latihan serta perihal teknikal akan dijalankan secepat mungkin.
7. Saya juga telah mengarahkan Timbalan Panglima Tentera Udara untuk turun ke lokasi kejadian. Beliau telah pun berada di sana dan akan turut melawat pegawai yang tercedera di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang. Alhamdulillah, **saya dimaklumkan kini Mejar Mohd Fareez berada dalam keadaan stabil.**
8. Dalam pada itu, **jenazah Allahyarham Kapten Mohamad Affendi akan dikebumikan di tanah perkuburan Islam di Muadzam Shah, Pahang.** Urusan pengkebumian akan dilakukan oleh Pangkalan Udara Butterworth dan Pangkalan Udara Kuantan.
9. Sekali lagi saya merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga pegawai yang terkorban, Allahyarham Kapten Mohamad Affendi serta pegawai yang tercedera, Mejar Mohd Fareez.
10. Kepada seluruh rakyat Malaysia, marilah kita sama-sama memanjatkan doa, semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat Allah SWT dan semoga ahli keluarga kedua-dua pegawai tabah mendepani ujian yang amat berat ini. InsyaAllah.

=tamat=



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 (84) 01/11

**MAJLIS PENYERAHAN 15,000 KOTAK MAKANAN PROGRAM BANTU-BANTU
MALAYSIA KEPADA KEMENTERIAN PERTAHANAN SEMPENA INISIATIF GEROBOK
REZEKI VETERAN ATM 2021**

Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah menyempurnakan Perasmian Penyerahan 15,000 Kotak Makanan Program Bantu-Bantu Malaysia kepada Kementerian Pertahanan sempena Inisiatif Gerobok Rezeki Veteran ATM Tahun 2021 dalam satu majlis yang berlangsung di Pangkalan Udara TUDM Subang hari ini.

Inisiatif Gerobok Rezeki Veteran ATM merupakan kesinambungan daripada Program "MINDEF PRIHATIN" yang merupakan inisiatif Kementerian Pertahanan bertujuan untuk membantu meringankan beban warga pertahanan termasuk juga Veteran ATM dan keluarga mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19 yang melanda kini.

Dalam majlis berkenaan, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM), Kementerian Pertahanan telah menerima sumbangan 15,000 kotak bekalan makanan daripada pengasas The Mines Resort and Country Heights Holdings, Tan Sri Lee Kim Yew menerusi pertubuhan bukan kerajaan Bantu-Bantu Malaysia.

Untuk rekod, sumbangan ini adalah merupakan sumbangan fasa ke-2 setelah fasa pertama serahan berjumlah 10,000 kotak telah disempurnakan pada 27 Ogos 2021 di Hotel Palace Of The Golden Horses, Seri Kembangan, Selangor .

Daripada 15,000 kotak makanan yang diterima pada hari ini sebanyak 5,000 kotak akan diagihkan ke JHEV ATM Cawangan Sabah dan Sarawak sementara selebihnya telah diterima oleh JHEV Cawangan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Pengagihan sumbangan kepada golongan Veteran ATM dan keluarga yang layak di seluruh negara akan dilakukan oleh pejabat JHEV ATM cawangan negeri dengan kerjasama pihak

persatuan-persatuan Veteran ATM, NGO dan komuniti setempat. Bantuan bekalan makanan menerusi Inisiatif Gerobok Rezeki Veteran ATM akan memberi manfaat kepada 15,000 keluarga Veteran ATM dan balu Veteran ATM yang terjejas pendapatan kesan pandemik COVID-19.

Sumbangan melalui Program Bantu-Bantu Malaysia ini menterjemahkan keprihatinan pertubuhan/NGO terhadap Veteran ATM dan tanggungan. Kementerian Pertahanan juga berbesar hati dengan kerjasama yang dizahirkan oleh Tan Sri Lee Kim Yew malahan turut mengalu-alukan kerjasama dan sumbangan badan korporat yang lain, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, individu dan lain-lain yang ingin turut serta.

Kementerian Pertahanan sentiasa meletakkan keutamaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM serta tanggungan. Program seumpama ini dilihat sebagai salah satu langkah yang signifikan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dalam menyokong usaha kerajaan dalam membantu Veteran-veteran ATM dan balu yang terjejas.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

17 November 2021



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 (85) 02/11

**LAWATAN KEBAJIKAN TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN KE ATAS KELUARGA
ALLAHYARHAM KAPTEN MOHAMAD AFFENDI BIN BUSTAMY TUDM**

Timbalan Menteri Pertahanan YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah mengadakan lawatan kebajikan serta menyantuni keluarga Allahyarham Kapten Mohamad Affendi bin Bustamy TUDM, juruterbang TUDM yang terkorban di dalam insiden kemalangan pesawat Hawk yang berlaku di Pangkalan Udara Butterworth pada 16 November 21 lalu.

Dalam sesi lawatan yang berlangsung di Taman Redan Perdana, Muadzam Shah Pahang pagi tadi, YB Dato' Sri Ikmal Hisham telah bertemu dengan balu Allahyarham, Puan Nurul 'Izati binti Shari serta kedua ibu bapa Allahyarham, Encik Bustamy bin Tuahara dan Puan Siti Razilah Daud bagi menzahirkan rasa simpati beliau di atas insiden yang telah berlaku. Beliau turut menyampaikan salam takziah dari YB Menteri Kanan Pertahanan dan pucuk pimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan.

Semasa lawatan itu juga, YB Dato' Sri Ikmal Hisham telah menyampaikan sumbangan peribadi ikhlas daripada YB Menteri Kanan Pertahanan dan sumbangan peribadi daripada beliau sendiri kepada balu dan keluarga Allahyarham. Selain itu, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM), Mejar Jeneral Dato' Dzulkarnain bin Ahmad turut menyampaikan sumbangan dari Yayasan Veteran ATM kepada balu Allahyarham.

Di akhir lawatan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham dan delegasi juga telah meluangkan masa bersama-sama keluarga Allahyarham untuk menyempurnakan Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil untuk Allahyarham. Lawatan ini adalah sebagai tanda keprihatinan Kementerian Pertahanan terhadap insiden kemalangan yang telah menimpa Allahyarham Kapten Mohamad Affendi bin Bustamy TUDM. Kebajikan keluarga anggota ATM sentiasa menjadi keutamaan Kementerian Pertahanan dan akan memastikan keluarga Allahyarham diberikan bantuan dengan sewajarnya. Turut hadir bersama delegasi lawatan adalah Asisten Ketua Staf Tadbir Markas Tentera Udara, Brigedier Jeneral Hj Mohd Suhaimi bin Hj Sahri TUDM.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

KUALA LUMPUR
18 November 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT KE-9 MENTERI KUARTET COVID-19

PENULARAN VARIAN OMICRON - FASA PERALIHAN KE ENDEMIK DITANGGUHKAN SEKETIKA, KAWALAN SEMPADAN ANTARABANGSA DIPERKETATKAN

1. Mesyuarat Kuartet ke-9 hari ini memberi tumpuan kepada *Variant Of Concern* (VOC) Omicron yang kita ambil maklum sedang menular ke seluruh dunia. Kita juga memahami bahawa Omicron sememangnya berisiko kerana ia boleh merebak dengan lebih mudah dan pantas namun ia masih boleh dikesan melalui ujian makmal sedia ada.
2. Buat masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang membuat pemantauan rapi dan kesemua ahli mesyuarat Kuartet hari ini juga telah diberi taklimat oleh Menteri Kesihatan, YB Khairy Jamaluddin mengenai tindakan segera yang telah diambil oleh KMM dan pendekatan seterusnya dalam masa terdekat berkaitan varian baharu ini.
3. Biarpun belum ada kes varian ini dilaporkan di negara kita, KKM seperti diumumkan pada 27 November lalu, telah melaksanakan tindakan awal iaitu:
 - i. Pengembara warga Malaysia yang merancang lawatan ke tujuh negara iaitu Afrika Selatan, Botswana, Eswatini, Lesotho, Mozambique, Namibia dan Zimbabwe tidak dibenarkan meneruskan perjalanan mereka.
 - ii. Sekatan sementara kepada semua warganegara asing yang ada sejarah perjalanan ke negara terbabit dalam tempoh 14 hari ini daripada memasuki Malaysia.
 - iii. Warganegara Malaysia dan pemegang pas penduduk tetap yang pulang ke Malaysia dari negara-negara terbabit dibenarkan memasuki negara, namun dikehendaki menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di stesen kuarantin tanpa mengira status vaksinasi serta tidak dibenarkan menjalani kuarantin di rumah.
4. Bukan itu sahaja, KKM juga sedang mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai tempoh inkubasi, gejala dan kebolehjangkitan. Namun sementara itu, penting untuk saya maklumkan bahawa **Kerajaan akan mengenakan kawalan**




MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

sempadan antarabangsa yang lebih ketat ke atas negara-negara yang telah melaporkan penyebaran varian Omicron. KKM akan mengumumkan perkara ini secara terperinci tidak lama lagi.

5. Setakat ini, Kerajaan ambil maklum bahawa varian ini bukan sahaja telah menular di Selatan benua Afrika, tetapi juga di beberapa buah negara antaranya, Itali, Denmark, Australia, United Kingdom, Belgium dan Hong Kong.
6. Susulan penularan varian ini, buat masa ini, SOP semasa dalam negara untuk negeri-negeri dalam Fasa 3 dan 4 masih kekal.
7. Tetapi penting untuk saya maklumkan, buat masa ini juga, Mesyuarat Kuartet telah memutuskan untuk menangguhkan seketika (*pause*) usaha kita untuk beralih ke Fasa "Peralihan ke Endemik' sehingga kita mengetahui lebih lanjut tentang VOC Omicron.
8. Saya ingin menasihatkan orang ramai agar terus berwaspada dan berdisiplin dalam menjaga keselamatan diri dan orang sekeliling. Antara perkara utama yang boleh dilakukan untuk mengurangkan risiko pendedahan kepada virus, antaranya:
 - i. Dapatkan vaksin, termasuk dos penggalak
 - ii. Pakai pelitup muka
 - iii. Jaga penjarakan fizikal
 - iv. Cuci tangan atau gunakan hand sanitizer selalu
 - v. Etika batuk dan bersin
 - vi. Elakkan tempat yang sesak dan sempit
 - vii. Pastikan pengudaraan yang baik
 - viii. Amalkan TRIIS
9. Semakin ramai orang dijangkiti, peluang untuk virus COVID-19 mengalami mutasi menjadi semakin tinggi dan varian baharu boleh terhasil.

**YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN
PENGERUSI MESYUARAT MENTERI KUARTET COVID-19
MERANGKAP MENTERI KANAN PERTAHANAN
30 NOVEMBER 2021**



Siaran **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 (8L) 03/11

PELANCARAN APLIKASI MYVETERANMALL

Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah menyempurnakan pelancaran aplikasi MyVeteranMall bertempat di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur hari ini. Platform digital komuniti khusus untuk Veteran ATM, yang diberi nama MyVeteranMall adalah inisiatif Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dengan kerjasama MIDC Technology Sdn Bhd yang bertujuan untuk memberikan kemudahan dan peluang keusahawanan secara saluran digital kepada kira-kira 300,000 komuniti Veteran ATM bagi menambah baik status sosio-ekonomi mereka melalui berbagai aktiviti-aktiviti seperti e-Info, e-Dagang dan e-Servis.

MyVeteranMall pada asasnya adalah **platform digital komuniti** yang membolehkan JHEV ATM menubuhkan satu e-komuniti untuk Veteran ATM, memudahkan pembangunan perniagaan dalam talian, menawarkan saluran untuk e-Info dan membuka peluang untuk Veteran ATM melibatkan diri dalam e-Dagang dan e-Servis yang akan memberi kebaikan kepada komuniti Veteran ATM. Ia dibangunkan dan diurus oleh MIDC Technology Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh EDARAN Bhd, pembekal utama perkhidmatan dan penyelesaian IT negara.

Selain dari menambahbaik status sosio-ekonomi Veteran ATM, MyVeteranMall juga membolehkan mereka terus berhubung antara satu sama lain dan dengan komuniti luar, menjadi lebih mampu diri, membina perniagaan mampu bertahan dan kekal berguna kepada masyarakat selepas persaraan. Platform digital ini membenarkan pelaksanaan pelbagai aktiviti dalam talian, semua di dalam lingkungan khusus MyVeteranMall. Ia dibangunkan untuk memberi Veteran ATM kemudahan dan kelebihan platform dalam talian bukan hanya untuk transaksi bayaran malah juga untuk merangsang rangkaian sosial, membantu penyampaian maklumat dan memudahkan aktiviti-aktiviti perusahaan.

Tidak seperti pusat beli-belah dalam talian lain, MyVeteranMall adalah berasaskan 'Platform Komuniti' yang bukan hanya untuk aktiviti membeli-belah. Melalui aplikasi ini, Veteran ATM akan mempunyai satu ruang sehati maya untuk membuat transaksi, memasar, membeli, mempromosi barangan serta perkhidmatan dan interaksi secara dua hala berkenaan info berkaitan Veteran ATM. MyVeteranMall juga tidak terhad kepada Veteran ATM tetapi boleh juga dicapai oleh orang awam.

JHEV ATM telah memilih untuk bekerjasama dengan MIDC Teknologi, anak syarikat milik penuh EDARAN Berhad, sebagai rakan teknologi mereka. JHEV ATM dan MIDC bersama meneliti tujuan dan potensi projek seperti ini. MIDC Technology Sdn Bhd turut membangunkan teknologi sokongan yang akan menampung aktiviti MyVeteranMall seperti platform e-bayaran yang serba guna dikenali sebagai PAYJE untuk memudahkan transaksi. PAYJE telah dibangunkan sebagai aplikasi e-bayaran bersepadu yang berkeupayaan luas untuk memudahkan pembayaran tanpa tunai. Ia juga merupakan pengumpul bil berbilang pedagang yang membolehkan peniaga memproses bayaran mudah alih dan e-Dagang dengan mudah tanpa menyediakan akaun bank.

MIDC Technology akan menyediakan dan mengurus khidmat bayaran elektronik dan transaksi dalam talian termasuk memudahkan e-Dagang, e-Servis dan lain-lain perkhidmatan atas talian yang ditawarkan MyVeteranMall. Tawaran dan kemudahan awal MyVeteranMall yang disediakan oleh platform ini adalah:

- a. e-Info – Veteran ATM akan dapat mengurus semua hal peribadi berkaitan dengan JHEV melalui aplikasi e-Info. MyVeteran Mall berkhidmat sebagai hub maklumat untuk anggota dan memanjangkan kemudahan kepada khidmat komuniti dan khidmat bukan untung. e-Info akan berkesan menjadi platform yang menawarkan e-berita, e-buletin dan kemudahan pengiklanan dalam MyVeteranMall.
- b. e-Dagang – Veteran ATM akan berpeluang untuk melibatkan diri dengan perniagaan dalam talian dan menjadi pedagang dalam talian dalam MyVeteranMall. Veteran juga boleh mengambil bahagian sebagai agen penghantaran atau menjadi pembeli dan pembekal kepada pedagang dalam MyVeteranMall. MyVeteranMall akan menubuhkan ekosistem perniagaannya sendiri dan menyediakan berbagai peluang perniagaan dalam ekosistem tersebut.

- c. e-Khidmat – MyVeteranMall akan berfungsi sebagai platform dalam talian untuk membolehkan veteran menjadi pembekal perkhidmatan merangkumi berbagai spektrum industri seperti insurans, pelancongan, peruntukan pakej Haji dan Umrah, pekerjaan, pengiklanan serta penawaran latihan dan seminar.

- d. Tabung Pahlawan – MyVeteranMall akan bertindak sebagai saluran tambahan untuk memudahkan sumbangan ke Tabung Pahlawan. Pengguna MyVeteranMall boleh membuat sumbangan mereka terus ke Tabung Pahlawan melalui aplikasi ini. Sumbangan ke Tabung Pahlawan menerusi aplikasi ini akan memastikan kelestarian tabung dan dalam masa yang sama membantu mengurangkan beban Kerajaan.

Kementerian Pertahanan menzahirkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan EDARAN Bhd dan MIDC Technology Sdn Bhd yang sudi berkolaborasi melaksanakan inisiatif ini dalam agenda memartabatkan lagi program keusahawanan dalam kalangan Veteran ATM. Para Veteran ATM sangat digalakkan untuk mendaftar di aplikasi MyVeteranMall agar produk dan perkhidmatan mereka dapat dipasarkan dengan lebih meluas seterusnya dapat meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

30 November 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

A. ANCAMAN MILITAN : MINDEF DAN ATM TINGKATKAN KESIAPSIAGAAN DI SABAH

1. Berhubung laporan yang ditulis oleh *South China Morning Post* mengenai dakwaan "Tentera Diraja Sulu" sedang merancang untuk menceroboh Sabah, MINDEF dan ATM sememangnya memberi perhatian terhadap laporan berkenaan. Sebarang ancaman, sama ada boleh dipercayai atau tidak, mesti disahkan secara bebas dan dianggap serius.
2. Agensi perisikan dan keselamatan kita juga sudah mengambil maklum tentang perkara yang dilaporkan dan sedang dalam proses verifikasi dengan agensi-agensi sejawat mereka di Filipina dan serantau seperti yang dinyatakan oleh Ketua Polis Negara (IGP) dan *Commander* ESSCOM semalam. Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) ATM juga sentiasa memantau perkembangan yang sedang berlaku dan menilai indikator-indikator yang boleh menjejaskan keselamatan.
3. Saya telah dimaklumkan oleh pihak ATM bahawa melalui pelaksanaan operasi dan perisikan, tiada petunjuk ketara atau bukti kukuh atas laporan sepertimana yang dinyatakan setakat ini. Walaubagaimanapun, seperti yang turut ditegaskan oleh Panglima Angkatan Tentera dan IGP, tindakan segera akan diambil bagi meningkatkan kesiapsiagaan ke tahap tertinggi di Sabah.
4. Saya telah arahkan ketiga-tiga perkhidmatan melalui - Panglima Medan Timur (TDM) Lt Jen Dato Mardzuki bin Muhammad; Panglima Armada Timur (TLDM) Laksamana Madya Dato Sabri bin Zali; dan Panglima Wilayah Udara 2 (TUDM) Mej Jen Dato Shamsudin bin Kassim untuk memastikan ATM turut meningkatkan kesiapsiagaannya ke tahap paling tinggi di negeri berkenaan terutama di Pantai Timur Sabah.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

5. Setakat ini, di Laut Sulu dan Sulawesi yang juga merupakan laluan perairan antara Sabah dan Selatan Filipina, kita mempunyai inisiatif *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) melibatkan kerjasama antara Malaysia, Indonesia dan Filipina demi memastikan laluan perairan itu sentiasa selamat.
6. Hubungan kerja saya dengan Menteri Pertahanan Indonesia, Prabowo Subianto dan Setiausaha Pertahanan Filipina, Delfin Lorenzana juga akrab dan kukuh. Kami sentiasa berkomunikasi antara satu sama lain mengenai perkara yang menjadi kebimbangan bersama terutama soal keselamatan.
7. Prabowo Subianto, Setiausaha Lorenzana dan saya telah bersetuju untuk melaksanakan semula Perbincangan Peringkat Menteri mengenai TCA dan kami merancang untuk bertemu pada Januari 2022 bagi kukuhkan lagi kerjasama antara angkatan tentera negara masing-masing di Laut Sulu dan Sulawesi.
8. Memelihara keamanan dan kesejahteraan Sabah sentiasa menjadi keutamaan tertinggi MINDEF. Walau apa jua ancaman dan cabaran sekalipun, saya dan kepimpinan MINDEF akan terus memastikan keselamatan Sabah tidak dikompromi dan kedaulatan negara tidak sewenang-wenangnya dinodai.

B. PERANCANGAN PASCA 100 HARI KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. Sebentar tadi saya telah menghadiri Bengkel Perancangan 100 Hari Kementerian Pertahanan (MINDEF) seterusnya mendengar pembentangan terperinci daripada setiap kumpulan kerja berdasarkan Teras-Teras utama di MINDEF dan ATM.
2. Susulan itu, saya ingin memaklumkan bahawa perancangan dan hala tuju MINDEF bagi tahun 2022 akan bersandarkan kepada dua (2) fokus utama. Pertama, setiap dasar serta polisi di MINDEF dan ATM akan diselaraskan dalam memuktamadkan sesuatu inisiatif. Dasar-dasar ini termasuklah Kertas Putih Pertahanan, Strategi Ketenteraan Negara, Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia (4DMAF), Pelan Strategik MINDEF 2021-2025 serta tiga dokumen sokongan dibawahnya iaitu



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN), Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan (RTKP) dan Pelan Pelaburan Pertahanan Negara (3PN).

3. Kedua, perancangan dan hala tuju MINDEF bagi tahun 2022 akan dinamakan sebagai Pelan Tindakan 2022 atau PT22. Di bawah PT22, terdapat lapan (8) Teras Utama. Teras-terras tersebut termasuklah:
 - i. Kesiagaan dan Keupayaan
 - ii. Kompetensi Pertahanan
 - iii. Kebajikan
 - iv. Kerjasama Awam-Tentera
 - v. Industri Pertahanan Nasional
 - vi. Kerjasama Pertahanan Antarabangsa
 - vii. Pemerkasaan Veteran ATM
 - viii. Kesiagaan Terhadap Krisis Berskala Besar
4. Teras 8 tersebut merupakan Teras baharu yang diwujudkan bertujuan meningkatkan penglibatan ATM dalam membantu usaha negara menangani krisis berskala besar seperti banjir dan ancaman penyakit. Teras ini akan berkuatkuasa serta merta mengambil kira musim tengkujuh yang biasa berlaku di penghujung tahun. Seperti kenyataan Panglima Angkatan Tentera baru-baru ini, buat masa ini semua formasi dan unit dilapangan dalam keadaan siap sedia dan akan diaktifkan bila-bila masa mengikut keadaan semasa.
5. Di bawah lapan (8) Teras ini, MINDEF dan ATM merancang untuk melaksanakan pelbagai inisiatif. Antara inisiatif-inisiatif utama termasuklah:
 - i. Melaksanakan pembinaan 5 poliklinik baharu menjelang tahun 2024 bagi menambah baik perkhidmatan kesihatan untuk anggota dan veteran ATM.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

- ii. Memperkasakan lagi inisiatif *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA)* yang dilaksanakan bersama Indonesia dan Filipina sejak tahun 2017 demi memperkukuh kawalan keselamatan di Laut Sulu dan Sulawesi.
 - iii. Menambah *Specialist Outreach Clinic* di kawasan pendalaman bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapatkan rawatan kesihatan yang terbaik.
 - iv. Menyerahkan lebih banyak unit Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT) kepada anggota ATM yang terpilih di seluruh negara.
 - v. Kaedah sewaan seperti yang dilaksanakan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk memanfaatkan Helikopter AW139 akan turut diperluaskan kepada Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).
 - vi. Berusaha memastikan kadar dividen Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) memuaskan. Ini agenda peribadi saya untuk membela kebajikan anggota ATM terutama di era pandemik yang amat mencabar ini.
6. Secara keseluruhannya, MINDEF dan ATM telah mempunyai perancangan yang jelas untuk bergerak ke hadapan di tahun 2022 selepas berjaya mencapai KPI 100 hari pertama Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) peringkat Kementerian. InsyaAllah, MINDEF dan ATM akan maklumkan secara terperinci inisiatif-inisiatif yang bakal dilaksanakan tahun hadapan kepada umum dari semasa ke semasa.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN

MENTERI KANAN PERTAHANAN

10 DISEMBER 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

OPS MURNI ATM DAN MINDEF DIPERKASA

1. Hasil mesyuarat saya bersama kepimpinan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) memberikan tumpuan kepada empat perkara iaitu:
 - i. **Memantau dan menerima laporan operasi semasa**
 - ii. **Memperkuh operasi sedia ada**
 - iii. **Memperhebatkan lagi bantuan pasca banjir**
 - iv. **Memperincikan dan membuat persediaan bagi menghadapi kemungkinan banjir gelombang kedua**

2. Secara keseluruhannya, **sehingga 25 Disember 2021, ATM telah mengatur gerak:**
 - i. **998 orang pegawai dan anggota dari seluruh perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)**

 - ii. **96 aset pelbagai jenis termasuk trak 7 tan, trak 3 tan, trak 1 tan, bot tempur, Outboard Motors (OBM), Helikopter EC725 dan back hoe ke setiap negeri yang terjejas banjir termasuk Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan dan Melaka.**

 - iii. **ATM telah berjaya memindahkan 32,661 mangsa banjir ke PPS.**

3. Secara peribadi dan bagi pihak kerajaan, saya kagum dan amat berterima kasih serta terharu di atas usaha seluruh anggota ATM dan warga MINDEF yang terlibat secara langsung dalam OPS MURNI. Saya juga berterima kasih kepada semua agensi yang terlibat serta rakyat yang memberi kerjasama sepenuhnya kepada ATM sepanjang OPS MURNI dilaksanakan. Buat semua anggota dan petugas, tingkatkan semangat, teruskan usaha dan ikhtiar yang baik ini.

4. Menerusi operasi yang dilakukan, ATM juga telah bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia, Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia serta semua agensi berkaitan. Ini termasuklah mengeluarkan penduduk yang terperangkap, memindahkan mangsa banjir ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS), menghantar dan mengagihkan makanan serta barang keperluan ke PPS dan ke kawasan-kawasan yang terputus hubungan jalan darat serta memasak untuk mangsa banjir yang tinggal di PPS. Tidak dilupakan juga peranan besar yang dimainkan oleh para sukarelawan MINDEF yang terdiri daripada warga awam MINDEF.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

5. Mengambil kira kebanyakan kawasan yang mengalami banjir mulai surut, **perancangan ATM yang seterusnya di kawasan-kawasan berkenaan ialah untuk meningkatkan lagi pelaksanaan kerja-kerja pembersihan pasca banjir termasuk pencegahan penularan wabak COVID-19**. Ini selari dengan kenyataan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang semalam bahawa ATM akan menambah jumlah anggota sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan 500 orang, khusus untuk membantu kerja-kerja pembersihan.
6. Dalam masa yang sama, saya juga ingin mengulangi komitmen ATM yang akan terus berada dalam kesiapsiagaan tertinggi bagi menghadapi sebarang kemungkinan termasuk gelombang kedua banjir. 1 Batallion telah diletakkan dalam keadaan bersiapsiaga di setiap negeri untuk diaturgerak ke lokasi terjejas banjir apabila terdapat keperluan.
7. Selaras pengumuman YAB Perdana Menteri berkenaan penubuhan pasukan khas pasca banjir dan persediaan gelombang kedua yang akan diterajui oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, saya akan bekerjasama rapat bersama beliau untuk membantu dan memastikan ATM serta MINDEF memberikan kerjasama penuh kepada pasukan khas berkenaan.
8. Sudah tentunya tanggungjawab utama saya dan kepimpinan ATM serta MINDEF adalah untuk:
 - i. Membantu dan membela warga ATM, MINDEF dan veteran yang terkesan akibat musibah banjir
 - ii. Inisiatif pasca banjir dalam aspek pemulihan dan pembersihan
 - iii. Memastikan sekolah-sekolah di bawah ATM dapat meneruskan sesi persekolahan secepat mungkin
 - iv. Memastikan hospital dan poliklinik ATM sentiasa berada dalam keadaan siap siaga.
9. Tumpuan ini diberikan bersandarkan kepada harapan agar mereka terus bersemangat untuk menjalankan tugas-tugas membantu rakyat Malaysia yang lain.
10. **Selain itu, saya juga menerima laporan berhubung situasi di mana bot-bot ATM terpaksa digunakan tanpa henti di kawasan-kawasan yang terjejas. Susulan itu, MINDEF telah berhubung secara terus dengan pihak Kementerian Kewangan (MOF) bagi membuat pembelian kecemasan sebanyak 55 unit *Outboard Motors* (OBM). Alhamdulillah, permohonan ini telah diluluskan oleh pihak MOF.**



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

11. Saya juga ingin memaklumkan, pagi tadi saya telah dihubungi oleh Yang Amat Mulia Putera Turki bin Mohammed bin Fahd bin Abdulaziz Al Saud, Putera Raja Arab Saudi yang telah menyatakan hasrat untuk membantu usaha kami bagi menyediakan bantuan dan sumbangan kepada rakyat Malaysia yang terkesan akibat banjir melalui *King Salman Humanitarian Aid and Relief Center*.
12. Saya doakan semoga musibah banjir ini berakhir dan semua mangsa banjir yang terjejas dikurniakan ketabahan dalam mendepani ujian yang amat berat ini.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN
26 DISEMBER 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

A. ATM TINGKAT KESIAPSIAGAAN HADAPI GELOMBANG KEDUA BANJIR

1. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) mengikuti secara rapat dan memandang serius laporan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia berhubung kemungkinan berlakunya hujan berterusan dari 29 Disember 2021 hingga 6 Januari 2022 yang berupaya menyebabkan berlaku gelombang kedua banjir di beberapa negeri.
2. Mengikut ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia, negeri-negeri tersebut termasuklah Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak.
3. Sehubungan itu, saya telah mengarahkan Panglima Angkatan Tentera serta Panglima-Panglima Perkhidmatan untuk memastikan kesiapsiagaan anggota ATM terutama di negeri-negeri berkenaan berada pada tahap tertinggi. Ia penting demi memastikan aturgerak anggota dan aset dapat dilaksanakan pada bila-bila masa sekiranya diperlukan sekaligus membolehkan operasi menyelamatkan mangsa-mangsa banjir digerakkan pada masa yang sepatutnya.
4. Setakat ini ATM telah melaksanakan beberapa pendekatan iaitu:
 - i. 1 Batalion sentiasa diletakkan dalam keadaan bersiapsiaga di setiap negeri untuk diaturgerak ke lokasi terjejas banjir apabila terdapat keperluan.
 - ii. Mengaturgerak pegawai bertanggungjawab ke semua Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri/Daerah.
 - iii. Meletakkan pasukan perubatan ATM dalam keadaan sedia bagi melaksanakan bantuan perubatan dan kawalan pencegahan jangkitan COVID-19 di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).
 - iv. Merancang koordinasi bantuan pesawat udara ATM.
 - v. Memastikan hospital dan poliklinik ATM sentiasa dalam keadaan siap siaga.
 - vi. Menambah bilangan anggota bagi melaksanakan operasi menghantar barang keperluan serta makanan ke PPS serta kawasan yang terputus hubungan jalan darat serta memasak di PPS.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

5. Secara keseluruhannya, bagi menghadapi gelombang kedua banjir, ATM akan mengatugerak anggota dan aset ke 86 lokasi di seluruh negara bagi membantu Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) serta agensi-agensi berkaitan.
 - a. Anggota
 - i. 115 Pegawai
 - ii. 2,768 anggota Lain-Lain Pangkat
 - b. Aset
 - i. 6 unit trak 7 tan
 - ii. 160 unit trak 3 tan
 - iii. 129 unit bot
 - iv. 109 unit enjin bot
6. Perancangan ATM ini akan dikemaskini dari masa ke masa mengikut situasi banjir di sesebuah negeri dan sesuatu kawasan. Saya serta kepimpinan tertinggi ATM dan MINDEF akan memastikan ATM terus melakukan segala usaha yang terdaya demi memelihara keselamatan rakyat sepanjang musim banjir ini.

B. SUMBANGAN DANA DAN BARANG KEPERLUAN ASAS DARIPADA SYARIKAT SWASTA DAN INDUSTRI PERTAHANAN

7. Saya ingin mengumumkan bahawa **menerusi gabungan lima (5) syarikat swasta termasuk syarikat industri pertahanan, MINDEF setakat ini telah berjaya mengumpul sumbangan bantuan banjir berjumlah RM3.7 juta merangkumi wang tunai dan barang keperluan asas.**
8. Syarikat-syarikat yang telah menyalurkan sumbangan dana bantuan banjir kali ini kepada MINDEF ialah:
 - a. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)
 - b. Affin Bank
 - c. Boustead Group
 - d. Pharmaniaga
 - e. Sapura Group
9. Sumbangan yang diterima ini akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi meringankan beban bukan sahaja anggota dan warga awam MINDEF, **tetapi juga saya sendiri secara peribadi mahu fokus turut diberikan bagi membantu veteran-veteran ATM yang terkesan akibat banjir di beberapa negeri ketika ini.**



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

10. Ini termasuklah memberikan bantuan wang tunai secara *one-off* kepada mereka. Bantuan ini merupakan tambahan kepada bantuan khas RM1,000 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini serta bantuan yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.
11. Bagi pihak MINDEF dan ATM, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua syarikat yang tampil menyumbang bagi bersama-sama membela kebajikan warga MINDEF dan ATM di saat memerlukan. **la selari dengan peringatan saya beberapa kali sebelum ini khususnya kepada syarikat industri pertahanan bahawa kerjasama mereka bersama MINDEF mestilah bersandarkan kepentingan keselamatan negara serta kebajikan anggota, veteran ATM dan awam MINDEF, bukannya demi keuntungan.**
12. Saya juga berterima kasih kepada pihak LTAT di atas keprihatinan untuk menerajui inisiatif pengumpulan dana bantuan banjir ini. Saya amat mengalu-alukan syarikat terutama syarikat industri pertahanan yang lain untuk turut tampil menyumbang demi membantu mereka yang kesusahan di musim banjir ini.

C. BANTUAN BANJIR DARIPADA KERAJAAN EMIRIAH ARAB BERSATU

13. Saya ingin memaklumkan, selain bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Arab Saudi kepada rakyat Malaysia yang terkesan akibat banjir melalui *King Salman Humanitarian Aid and Relief Center* seperti saya umumkan beberapa hari lepas, **Kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) juga berbesar hati untuk menyalurkan sumbangan berbentuk barang keperluan asas khusus untuk anggota, veteran ATM dan warga awam MINDEF yang terkesan akibat banjir.**
14. Barang-barang keperluan tersebut termasuklah:

JENIS BARANG	JUMLAH
Sejadah	2,000 helai
Al-Quran	1,000 naskah
Telekung	2,000 helai
Bakul Makanan (Barang kering dapur 10kg)	1,000 bakul
Beras 10 kg	1,000 kampak
Minyak masak 5 kg	1,000 botol
Hygiene kit	1,000 set
Cadar	4,000 helai
Tilam	2,000 unit
Tuala	4,000 helai



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Selimut	4,000 helai
Bantal	4,000 biji

15. Bagi pihak Kerajaan Malaysia, MINDEF dan ATM, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan UAE kerana sentiasa bersama-sama Malaysia ketika negara ini ditimpa musibah. Ia bukan sahaja membuktikan keprihatinan Kerajaan UAE tetapi juga menyerlahkan keakraban hubungan dua hala antara kedua-dua negara sejak sekian lama.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN
30 DISEMBER 2021

FACT SHEET
LAWATAN KERJA MENTERI KANAN PERTAHANAN
KE KEM PANGKALAN CHEPA, KOTA BHARU, KELANTAN
PADA 30 DISEMBER 2021

1. Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah mengadakan lawatan kerja ke Kem Pangkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan hari ini.
2. **Sesi Taklimat.** Taklimat situasi semasa keadaan di 8 Briged dan situasi semasa Op MURNI ATM Negeri Kelantan telah disampaikan oleh Panglima 8 Briged, Brigedier Jeneral Abu Hasan Assha'ari bin Kamis @ Shaffiee. Manakala taklimat operasi banjir negeri Kelantan telah disampaikan oleh Pengarah Pengurusan Bencana Negeri Kelantan.
3. Aturgerak OP MURNI Negeri Kelantan yang kini siapsiaga dalam pelaksanaan adalah melibatkan 5 pasukan iaitu Bn Ke-16 RAMD, Bn Ke-21 RAMD, Bn Pertama Rejimen Sempadan, Bn Ke-2 Rejimen Sempadan serta penglibatan Rejimen 506 Askar Wataniah. Keanggotaan keseluruhan trup yang bersiap sedia menghadapi gelombang banjir Negeri Kelantan adalah melibatkan lebih dari 250 anggota TDM.
4. Walau bagaimanapun, kesiagaan maksima OP MURNI 8 Briged meliputi hampir 2000 anggota melalui 14 pasukan di bawah Kawasan Tanggungjawab 8 Briged secara keseluruhannya meliputi negeri Kelantan dan Terengganu. 8 Briged turut bersiap sedia dalam bantuan logistik yang melibatkan kenderaan Jenis B dan C termasuk pam air serta peralatan perairan.
5. 8 Briged turut menyiapkan rancangan atur gerak pelaksanaan bagi menangani sebarang kemungkinan menghadapi pra banjir, semasa dan pasca banjir yang mana tindakan susulan terhadap situasi tersebut telah dirancang dengan teliti. Aset-aset dan kepakaran sedia ada pasukan akan digerakkan seperti keperluan membaiki jambatan oleh 7 Skuadron RAJD termasuk perancangan kumpulan GSPS dalam pelaksanaan pasca banjir membersihkan kawasan yang terkesan serta bantuan pemeriksaan kesihatan sekiranya diperlukan.
6. YB Menhan juga turut meninjau aset-aset OP MURNI oleh Pasukan 21 RAMD di Padang Kawad 8 Skuadron Semboyan Briged dan seterusnya berkesempatan melawat kawasan terjejas banjir di Manik Urai, Kuala Krai serta melawat PPS disana.
7. Turut mengiringi lawatan kerja tersebut adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Pahlawan Mohammad bin Ab Rahman serta Panglima 2 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Muhammad Huzaimi bin Sabri.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SARAWAK DAN KELANTAN BERALIH KE FASA 4 **PELAN PEMULIHAN NEGARA**

Setelah mengambil kira penilaian risiko semasa yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), **Kerajaan telah bersetuju supaya negeri-negeri berikut beralih Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuatkuasa Isnin, 3 Januari 2022.**

Sarawak : Beralih dari Fasa 3 ke Fasa 4

Kelantan : Beralih dari Fasa 3 ke Fasa 4

Dengan peralihan fasa bagi kedua-dua negeri berkenaan, bermakna kesemua negeri di Malaysia telah beralih ke Fasa 4 PPN. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak khususnya Kerajaan Negeri yang bertungkus-lumus mengurus situasi pandemik di negeri masing-masing terutama demi memenuhi nilai ambang yang ditetapkan di bawah PPN.

Namun dalam masa yang sama, saya menyeru kepada orang ramai agar tidak berasa terlalu selesa. COVID-19 masih merupakan satu ancaman kepada keselamatan dan kesihatan terutama dengan penularan varian Omicron. Semua pihak harus terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dengan penuh disiplin dan bertanggungjawab.

Pakai pelitup muka, amal penjarakan fizikal, dapatkan dos penggalak sekiranya layak, lakukan ujian pengesanan COVID-19 secara berkala dan amalkan TRIIS dengan sebaik mungkin.



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Dalam pada itu, saya ingin memaklumkan, Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi negeri-negeri yang memasuki Fasa 4 PPN adalah sama dengan sebelum ini. Keterangan SOP terkini akan dikemaskini oleh MKN di laman sesawang rasmi www.mkn.gov.my.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada seluruh rakyat Malaysia. Tahun 2021 sarat dengan ujian dan cabaran namun alhamdulillah kita telah dapat lalunya bersama-sama. Marilah kita doakan, semoga tahun 2022 menjadi tahun yang lebih bermakna buat diri, keluarga dan negara. InsyaAllah.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN
31 DISEMBER 2021